



Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

TAKLIMAT

KEPADA
YANG BERBAHAGIA
IR. HAJI AHMAD ZAIDEE LAIDIN
PENGARAH
INSTITUT TEKNOLOGI MARA


PADA 3 JANUARI 1994

SEKAPUR SIRIH


Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan. Demikian perasaan ikhlas ITM menyambut kedatangan Pengarah baru ITM, Yang Berbahagia Ir. Tuan Haji Ahmad Zaidee Laidin. ITM sangat berbesar hati dan merasa bangga di atas perlantikan Ir. Tuan Haji Ahmad Zaidee Laidin sebagai Pengarah ITM yang baru. Semoga Yang Berbahagia Ir. Tuan Haji akan terus membawa ITM ke tahap yang lebih cemerlang, InsyaAllah.

SELAMAT DATANG.

**MALAYSIA
CARTA ORGANISASI
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1 JANUARI 1994**



MALAYSIA
CARTA ORGANISASI
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1 JANUARI 1994



AHLI-AHLI MAJLIS

Pengerusi
Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad
PSM, SDKP, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN, JSM
BSK
Pengerusi
Bank Industri Malaysia Berhad

Timbalan Pengerusi
Tuan Haji Zahani Tan Sri Ahmad
AMN, JSM
Pengerusi
BEP Akitek Sdn. Bhd.

AHLI-AHLI

Pengarah ITM
Ir. Hj. Ahmad Zaidee Hj. Laidin

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Wakil: Puan Zaharah bt. Shaari
Timbalan Pengarah Belanjawan II
Kementerian Kewangan

Wakil Ganti: Encik Ali Bahari
Timbalan Pengarah Belanjawan I

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Y. Bhg. Dato' Mohd. Noordin bin Hassan
DPSK, JMN, SMP, KMN
Kementerian Pendidikan

Wakil : Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid, JSM
Timbalan Ketua Setiausaha I

Wakil Ganti: Dr. Mohd. Yahya Nordin
Setiausaha
Bahagian Pendidikan Tinggi

Ketua Pengarah Pendidikan

Y. Bhg. Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid bin
Wan Mohd. Noordin DMSM, JSM, KMN, PSK, PPT
Kementerian Pendidikan

Wakil Ganti:
Y. Bhg. Datuk Haji Mahpor bin Baba
DMSM
Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Wakil: Dato' Haji Abdul Ghani b. Sulaiman,
DIMP, DSM, AMN, PPB
Pengarah Bahagian Saraan
Jabatan Perkhidmatan Awam

Wakil : Encik Jamaluddin Haji Ahmad Damanhuri
Timbalan Pengarah Saraan

Wakil Ganti : Tuan Haji Musa b. Haji Taib
Timbalan Pengarah Saraan

Peguamcara Negara
Wakil:
Puan Noraini bt Abdul Rahman
Timbalan Ketua Bahagian Penasihat
dan Antarabangsa 11
Jabatan Peguam Negara

Ketua Pengarah MARA
Dato' Mohd. Ridzuan Abdul Halim DSDK
Ketua Pengarah MARA

Wakil:
Puan Che' Ah Adon
Ketua Unit Penyelaras
Jabatan Ketua Pengarah

Puan Saniah Hj. Ridzuan
Ketua Unit Perancang

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd. Taha Ariffin
PGBK, JBK, PPC, PBS
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman b. Yaacob
PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN
Ketua Pengarah Kerja Raya

Dr. Jaafar Ahmad, JSM
Penasihat Bank Negara Malaysia

Encik Mohd Ibrahim Mohd Zain
Pengerusi Eksekutif
Pan Malaysia Rubber Industries Berhad

Setiausaha
Tuan Haji Bahadon Ismail
Pendaftar, ITM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pengarah
Y. Bhg. Ir. Tuan Haji Ahmad Zaidee Laidin

Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Dr. Khalifah Othman

Timbalan Pengarah (Akademik dan
Hal Ehwal Pelajar)
Ir. Dr. Wan Mahmood Wan Abd. Majid

Pendaftar
Haji Bahadon Ismail

Bendahari
Cik HjH Siha Saat

Ketua Pembangunan dan Penyelenggaraan
Dr. Haji Munshi Ab. Hamid

Ketua Pustakawan
Rahmah Muhamad

Penolong Pengarah Akademik
Dr. Syed Noh Syed Ahmad
Dr. Sahol Hamid Abu Bakar
Dr. Szarina Abdullah

Penolong Pengarah HEP
Dr. Mohammad Said Zainol
Ustaz Ramli Ibrahim

PENGETUA KAMPUS CAWANGAN ITM

Pengetua ITM Sarawak
Dr. Ibrahim Shah

Pengetua YS-ITM Sabah
Baharudin Ismail

Pengetua ITM Perlis
Wan Abaid Wan Ismail

Pengetua ITM Terengganu
Dr. Muhamad Muda

Pengetua ITM Johor
Dr. Shahrudin Md. Salleh

Pengetua ITM Melaka
Dr. Baharuddin bin Abdul Aziz

Pengetua ITM Pahang
Dr. Nasuddin bin Othman

Pengetua ITM Perak
Tn Syed Ziad Wapha S. Nordin Wapha

Pengetua ITM Kelantan
Abdullah Mohamad

Pusat Pendidikan Persediaan
Dr. Zaini bin Hamzah

DEKAN

Kajian Kejuruteraan
Dr. Mohamed Dahalan Mohamed Ramli

Kajian Perniagaan dan Pengurusan
Dr. Mohd. Tahir Haji Abdul Hamid

Kajian Sains Matematik dan Komputer
Dr. Sahar Sawiran

Kajian Sebaran Am
Dr. Bukhory Haji Ismail

Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan
Chek Zaini Hassan

Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Zita Mohd Fahmi

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
Dr. Muhamad Tamyez Bajuri

Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Kamariyah Kamsah

Kajian Sains Gunaan
Dr. Sulong Ahmad Kamaruddin

Kajian Perakaunan
Dr. Juhari Samidi

Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
Puan Fuziah Mohd. Nadzar

Kajian Sains Kesetiausahaan
Encik Wan Abdul Aziz Wan Abdul Kadir

Pusat Pendidikan Luar
Puan Hamidah bt. Junid

Pusat Kursus Luaran
~~Unku Farida Osman~~
Hjh Hawa Hamidon

KETUA PUSAT/UNIT

Peg. Pembangunan dan Penyelenggaraan
Dr. Haji Munshi Ab. Hamid
Pusat Sistem Maklumat Bersepadu
Encik Aminuddin Hj Mohamad

Pusat Bahasa
~~Dr. Abu Bakar Hj. Ibrahim~~
In. Syed Omar Syed Mohamad
Pusat Pendidikan Islam
Ustaz Zakaria Abdullah

Pusat Percetakan
Encik Amir Osman

Unit Kerjaya dan Kaunseling
Thantawi Jauhari Haji Ahmad

Unit Perancangan dan Penilaian
Dr. Abdul Halim Nawawi

Pusat Penyelidikan dan Perundingan
Dr. Norsaadah Haji Ismail

Unit Perhubungan Awam
Puan Fauzieah Hanim AlJohari

BIROTEKS
Dr. Katni Kamsono Kibat

Odit Dalam
Puan Fatimah Mamat

Keselamatan
Mejar (B) Shamsudin Hashim

Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran
Dr. Zulaiha Ismail

MEDEC
Dr. Hj Humam Hj Mohamad

Unit Kebudayaan
Cik Rosini Jonit

Unit Pergigian
Dr. Rose nani Yahya

Unit Perubatan
Dr. Abd. Rahim Md. Noor

Unit Sukan
Encik Mustaza Ahmad

Penyelaras Hal Ehwal Ugama
Ustaz Kasno Hj. Abdul Kadir

SEKILAS PANDANG

KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN ITM DI SELURUH MALAYSIA

- | | |
|------------------------------|-----------------------------|
| 1. PERLIS
(ARAU) | 8. JOHOR
(SEGAMAT) |
| 2. PERAK
(SITIAWAN) | 9. SABAH
(KOTA KINABALU) |
| 3. SELANGOR
(SHAH ALAM) | 10. SARAWAK
(KUCHING) |
| 4. MELAKA
(BANDAR MELAKA) | |
| 5. KELANTAN
(KOTA BHARU) | |
| 6. TERENGGANU
(DUNGUN) | |
| 7. PAHANG
(KUANTAN) | |

AKAN DIBINA

- | |
|------------------------------------|
| 1. KEDAH
(MUKIM BUJANG) |
| 2. PULAU PINANG
(SEBERANG JAYA) |
| 3. NEGERI SEMBILAN
(NILAI) |

ANGKA . ANGKA . ANGKA . ANGKA . ANGKA . ANGKA

BILANGAN STAF (25/12/93)

Akademik : 2,452
Sokongan : 3,689
Jumlah : 6,141

. ENROLMEN PELAJAR (November 1993)

Shah Alam : 12,098 (sm) 2,376 (PPL) = 14,474
Cawangan : 15,329 (sm) 3242 (PPL) = 18,571
Jumlah : 27,427 ~~33,045~~ = 33,045

5,618

JUMLAH KAJIAN : 12

JUMLAH KURSUS : sehingga Oktober 1993- 93

JUMLAH GRADUAN : 80,043

(sm) = sepenuh masa

(PPL) = Pusat Pendidikan Luar

PENGENALAN

I . T . M

AMANAH YANG DI TANGGUNG

MISI ITM

MENJADI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI TERKEMUKA BERILTIKAM UNTUK MEWUJUDKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN PROFESIONAL BAGI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA

FALSAFAH ITM

KITA PERCAYA BAHAWA SEMUA MANUSIA MEMPUNYAI BAKAT, MINAT DAN KECENDERUNGAN DAN JIKA DIASUH, DIDIDIK DAN DILATIH DENGAN SEMPURNA MELALUI PEMINDAHAN ILMU PENGETAHUAN DARI MANA-MANA KEBUDAYAAN ATAU TAMADUN DUNIA SECARA TERBUKA, SERTA MELALUI PEMINDAHAN DAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM, MEREKA BOLEH BERPERANAN DALAM MEMBANGUNKAN DIRI, MASYARAKAT DAN NEGARA

OBJEKTIF

UNTUK MENDIDIK BUMIPUTRA MENJADI PROFESIONAL YANG BERKALIBAR, BERDIKARI, BERILMU DAN BERTAQWA SUPAYA BOLEH BERSAING DALAM DUNIA PERNIAGAAN, PERDAGANGAN, SAINS DAN TEKNOLOGI.

OBJEKTIF AKADEMIK ITM

MENGADAKAN PROGRAM PENDIDIKAN DI PERINGKAT SEPARA PROFESIONAL DAN PROFESIONAL TERUTAMA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN, SERTA MENANAM SIKAP POSITIF DAN MEMBENTUK KEPERIBADIAN MULIA MENERUSI PENDEDAHAN KEPADA ILMU PENGETAHUAN SERTA PENGHAYATAN TERHADAP ISLAM, KEPADA BELIA-BELIA BUMIPUTERA AGAR MEREKA LEBIH BERSEDIA MENGHADAPI PERSAINGAN DUNIA PEKERJAAN, SANGGUP BERDIKARI DAN BERANI MENJADI AGEN PERUBAHAN DALAM SEBUAH MASYARAKAT MAJMUK

SEJARAH PENUBUHAN ITM

Sejarah ITM bermula dalam tahun 1956 dengan tertubuhnya Dewan Latihan RIDA yang bertujuan membina semula kehidupan penduduk desa dan meninggikan taraf ekonomi mereka dengan mengadakan kursus-kursus seperti persediaan bagi London Chamber of Commerce, kursus untuk peniaga-peniaga kecil, kursus Stenography, Secretaryship dan Accountancy. Dalam tahun 1962 kursus profesional iaitu General Business Management telah dimulakan. Dalam tahun 1964 di hari konvokesyen yang pertama seramai 80 orang graduan menerima sijil masing-masing daripada Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri.

Dalam tahun 1965, hasil dari Kongress Ekonomi Bumiputera, Dewan Latihan RIDA telah ditukar namanya kepada Maktab MARA yang terus menjalankan kursus-kursus yang ada di bawah Dewan Latihan RIDA dahulu. Dalam tahun 1965, Maktab MARA telah berusaha menubuhkan kursus dalam Business Management apabila British Institute of Management tidak lagi menjadi bahan pemeriksa. Dengan bantuan dan kerjasama dari Ealing Technical College, London, Maktab MARA telah berjaya untuk mendapatkan pengiktirafan sewajarnya bagi kursus tersebut dan Ealing Technical College menjadi pemeriksa luar bagi menjamin taraf Diploma Pengurusan ITM ini.

Maktab MARA dari segi fizikal terus berkembang apabila kerajaan meluluskan sebidang tanah seluas 150 ekar di Shah Alam untuk dijadikan tapak bagi Maktab MARA. Pada 14 Oktober 1967 sempena dengan upacara perletakan batu asas oleh Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Timbalan Perdana Menteri, nama Maktab MARA telah ditukar kepada Institut Teknologi MARA. Kerja-kerja pembangunan dimulakan pada awal tahun 1968 dan pada pertengahan tahun 1972, kampus Shah Alam siap untuk digunakan.

Sejajar dengan perkembangan yang begitu pesat di akhir tahun 1970, ITM telah diberi otonomi penuh dan tidak lagi diletakkan di bawah Bahagian Latihan MARA. Ianya diletakkan terus di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Perkembangan ITM selepas itu merupakan perkembangan yang pesat dan cemerlang dalam kemajuan peajaran tinggi di tanahair. Apabila Akta Institut Teknologi MARA telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Jun 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran (Kementerian Pendidikan sekarang).

PROGRAM AKADEMIK

Program dan Aktiviti

Program akademik ITM didokong oleh lima komponen seperti berikut:-

1. Kajian
 - * Kajian Kejuruteraan
 - * Kajian Sains Gunaan
 - * Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
 - * Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan
 - * Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
 - * Kajian Perakaunan
 - * Kajian Perniagaan dan Pengurusan
 - * Kajian Sebaran Am
 - * Kajian Sains Matematik & Komputer
 - * Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
 - * Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
 - * Kajian Sains Kesetiausahaan
 - * Pusat Pendidikan Luar
 - * Pusat Kursus Luaran
2. Pusat Pendidikan Persediaan
3. Pusat Perkhidmatan
 - * Pusat Bahasa
 - * Pusat Pendidikan Islam
 - * Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran
 - * Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
 - * Pusat Penyelidikan dan Perundingan
 - * Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia
4. Perkhidmatan Pendidikan
 - * Pusat Sistem Maklumat Bersepadu
 - * Pusat Perkembangan Teknologi
 - * Pusat CADEM
 - * Pusat Inovasi
 - * Unit Perancangan dan Penilaian
 - * Unit Percetakan
 - * Perpustakaan Tun Abdul Razak
 - * Sudut Ilmu
 - * Biro Penyediaan Teks
5. Kampus Cawangan

PERINGKAT PENGAJIAN

Pada masa ini ITM menawarkan 93 kursus melalui 12 kajian dan satu pusat akademik yang berpusat di ITM, Shah Alam. Kajian ini dibantu oleh 3 pusat pengajian sokongan iaitu Pusat Bahasa, Pusat Pendidikan Islam dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC). Kursus-kursus yang ditawarkan adalah terbahagi kepada beberapa peringkat pengajian seperti berikut:-

Peringkat Pengajian	Jumlah	
1. Sarjana	2	}
2. Ijazah Lanjutan	3	}
3. Diploma Lanjutan	20	} 50%
4. Kursus Profesional/Luaran	6	} diperingkat
5. Ijazah Sarjana Muda	1	} Ijazah
6. Diploma (Setaraf Ijazah Am)	15	}
7. Diploma	39	
8. Sijil	7	
Jumlah	93	

SENARAI KURSUS MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN

1. Peringkat Sarjana

1. Executive Masters in Business Administration (EMBA) (Ohio) * (1984)
2. Masters in Business Administration (Januari 1991)

2. Peringkat Ijazah Lanjutan (Post Graduate)

1. Post Graduate Diploma in Library Science (1977)
2. Post Graduate Diploma in Systems Analysis (1974)
3. Diploma in Teaching of English as a Second Language (1984)

3. Peringkat Diploma Lanjutan (Advanced Diploma)

1. Advanced Diploma in Accountancy (1981)
2. Advanced Diploma in Town and Regional Planning (1976)
3. Advanced Diploma in Architecture (1976)
4. Advanced Diploma in Quantity Surveying (1976)
5. Advanced Diploma in Building (1988)
6. Advanced Diploma in Estate Management (1982)
7. Advanced Diploma in Business Administration (Transport) (1972)
8. Advanced Diploma in Business Studies (Marketing) (1983)
9. Advanced Diploma in Business Studies (Insurance) (1983)
10. Advanced Diploma in Business Studies (Finance) (1991)
11. Advanced Diploma in Business Studies (Human Resource Management) (1992)
12. Advanced Diploma in Statistics (1980)
13. Advanced Diploma in Civil Engineering (1976)
14. Advanced Diploma in Civil in Electrical Engineering Electronics) (1977)
15. Advanced Diploma in Electrical Engineering (Power) (1978)
16. Advanced Diploma in Electrical Engineering (Instrumentation) (1991)
17. Advanced Diploma in Electrical Engineering (Communication) (1991)
18. Advanced Diploma in Mechanical Engineering (1976)
19. Advanced Diploma in Land Surveying (1984)
20. Advanced Diploma in Law (1984)
21. Art Teachers Diploma (1974)
22. Advanced Diploma in Applied Chemistry (1992)
23. Advanced Diploma in Mass Communication (Journalism) (1992)
24. Advanced Diploma in Library Science & Information (1992)

4. Kursus Professional /Luaran

1. Institute of Costs & Management Accountants (UK) (1962)
2. Association of Certified and Corporate Accountants (UK) 1966) (The Chartered Association of Certified Accountants)
3. Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK) (1960)
4. Chartered Institute of Marketing (UK) (1967)
5. Chartered Institute of Transport (UK) (1967)
6. Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA)

5. Peringkat Ijazah Sarjana Muda

1. Bachelor of Science (Computer Science) (UKM/ITM) (1985)

6. Peringkat Diploma Yang Memerlukan STPM (Setaraf Ijazah Am)

1. Diploma in Law
2. Diploma in Mass Communication (Broadcasting) (1977)
3. Diploma in Mass Communication (Journalism) (1972)
4. Diploma in Mass Communication (Public Relations) (1972)
5. Diploma in Mass Communication (Advertising) (1977)
6. Diploma in Mass Communication (Publishing) (1989)
7. Diploma in Library Science (1971)

7. Peringkat Diploma Yang Memerlukan SPM

A. Setaraf Ijazah Am

1. Diploma in Art & Design (Graphics) (1968)
2. Diploma in Art & Design (Textile) (1968)
3. Diploma in Art & Design (Fine Metal) (1968)
4. Diploma in Art & Design (Industrial Design) (1968)
5. Diploma in Art & Design (Pottery & Ceramics) (1968)
6. Diploma in Art & Design (Fashion) (1968)
7. Diploma in Art & Design (Fine Art) (1968)
8. Diploma in Music (1984)

B. Peringkat Diploma

1. Diploma in Photography (1974)
2. Diploma in Public Administration (1967)
3. Diploma in Architecture (1973)
4. Diploma in Quantity Surveying (1974)
5. Diploma in Estate Management (1969)
6. Diploma in Building (1969)
7. Diploma in Interior Design (1975)
8. Diploma in Town and Regional Planning (1969)
9. Diploma in Landscape Design (1985)
10. Diploma in Rubber & Plastic Technology (1968)
11. Diploma in Microbiology (1972)
12. Diploma in Accountancy (1966)
13. Diploma in Industrial Chemistry (1971)
(Nama lama - Diploma in Experimental Laboratory (1968))
14. Diploma in Food Technology (1972)
15. Diploma in Wood Technology (1973)
16. Diploma in Textile Technology (1974)
17. Diploma in Plantation Industry Management (1991)
(Diploma in Planting Industry and Management (1967))
18. Diploma in Science (1972)
19. Diploma in Business Studies (1965)
20. Diploma in Business Studies (Insurance) (1991)
21. Diploma in Banking Studies (1967)
22. Diploma in Investment Analysis (1982)
23. Diploma in Computer Science (1969)
24. Diploma in Statistics (1974)
25. Diploma in Actuarial Science (1974)
26. Diploma in Civil Engineering (1975)
27. Diploma in Electrical Engineering (Electronics) (1974)
28. Diploma in Electrical Engineering (Power) (1974)
29. Diploma Mechanical Engineering (1974)
30. Diploma in Land Surveying (1970)
31. Diploma in Electrical Engineering (Instrumentation) (1983)
32. Diploma in Mechanical Engineering (Manufacturing) (1983)
33. Diploma in Hotel Management (1991)
(Diploma in Hotel and Catering Management (1967))
34. Diploma in Tourism Management (1991)
(Diploma in Tourism Administration (1974))

35. Diploma in Catering Management (1991)
(Diploma in Institutional & Catering Management (1975))
36. Diploma in Chef Training (1975)
37. Diploma in Secretarial Science (1990)
(Diploma in Stenography (1960))
38. Diploma in Executive Secretaryship (1984)

8. Peringkat Sijil

1. Certificate in Town & Regional Planning (1972)
2. Certificate in Computer Programming (1974)
3. Certificate in Hotel & Restaurant Services (Assistant Cook) (1971) - (Eastern & Western)
4. Certificate in Hotel & Restaurant Services (Front Office Reception) (1971)
5. Certificate in Hotel & Restaurant Services (Waiting) (1971)
6. Certificate in Hotel & Restaurant Services (Housekeeping) (1971)
7. Certificate in Travel Operations (1984)
8. Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Membuat Pastri & Kek)

KAJIAN KEJURUTERAAN

Kajian Kejuruteraan telah ditubuhkan dalam tahun 1968 dengan tujuan untuk menyediakan pengajian Kejuruteraan peringkat profesional dan separa profesional. Sejak tahun 1974, kursus-kursus di Kajian ini telah diubahsuai dan mula melaksanakan sistem dua peringkat.

- i) Peringkat pertama mengandungi 6 semester yang memakan masa selama 3 tahun. Para lulusan yang berjaya akan dianugerahkan dengan Diploma Kejuruteraan atau Diploma Ukur Tanah.
- ii) Peringkat kedua pula mengandungi 5 semester, iaitu tambahan selama 2 1/2 tahun pengajian. Di akhir peringkat ini, para lulusan akan dianugerah dengan Diploma Lanjutan Kejuruteraan yang telah diiktiraf oleh kerajaan sebagai setaraf dengan ijazah pertama (kepujian) dalam bidang kejuruteraan. Diploma Lanjutan juga telah diiktiraf oleh Institution of Engineers Malaysia di mana pemegangnya boleh menjadi 'graduate member' I.E.M.

Di samping itu pelajar-pelajar peringkat Diploma dikehendaki menjalani latihan praktik selama dua bulan, biasanya selepas mereka tamat empat semester. Di peringkat Diploma Lanjutan, mereka menjalani latihan praktik selama enam bulan sebelum dianugerahkan Diploma Lanjutan. Para pelajar kebanyakannya menjalani latihan praktik yang sesuai di jabatan-jabatan kerajaan, badan berkanun dan firma swasta.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KURSUS-KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Diploma Lanjutan Kejuruteraan Awam	2 1/2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan
2. Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektrik	2 1/2 tahun	
Bidang Pengkhususan:		
a) Elektronik b) Kuasa c) Peralatan d) Komunikasi		
3. Diploma Lanjutan Kejuruteraan Mekanikal	2 1/2 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
4. Diploma Lanjutan Ukur Tanah	2 1/2 tahun	
5. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	3 tahun	
6. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)	3 tahun	
7. Diploma Kejuruteraan Mekanikal	3 tahun	
8. Diploma Kejuruteraan Elektrik (Peralatan)	3 tahun	
9. Diploma Kejuruteraan (Perkilangan)	3 tahun	
10. Diploma Kejuruteraan Awam	3 tahun	
11. Diploma Ukur Tanah	3 tahun	

KAJIAN SAINS GUNAAN

Kajian Sains Gunaan menawarkan kursus-kursus dalam bidang sains dan teknologi bagi menyediakan tenaga mahir dalam bidang-bidang industri, pertanian/perladangan dan organisasi-organisasi penyelidikan sains.

Bermula pada bulan Julai tahun ini, kursus Pra-Sains telah diadakan bagi menampung kekurangan calon-calon yang layak untuk kursus-kursus Diploma, terutamanya calon-calon lelaki.

Kursus-Kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KURSUS-KURSUS	JANGKA MASA	NILAI TARAF
1. Diploma Lanjutan Kimia Gunaan	2 1/2 tahun	-
2. Diploma Teknologi Getah dan Pastik	3 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
3. Diploma Mikrobiologi	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UPM/UTM
4. Diploma Kimia Perindustrian	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UPM/UTM
5. Diploma Teknologi Makanan	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UPM/UTM
6. Diploma Teknologi Perakayuan	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UPM/UTM
7. Diploma Teknologi Tekstil	3 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
8. Diploma Pengurusan Ladang	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UPM/UTM
9. Diploma Sains	2 1/2 tahun	Setaraf dengan STP/HSC

KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR

Kajian ini telah ditubuhkan di dalam bulan Julai 1967 di bawah nama Kajian Seni Gunaan dengan pengambilan pertama seramai 60 orang pelajar. Ianya kemudian bertukar nama menjadi Kajian Senilukis dan Senibina. Di dalam tahun 1971, sekali lagi organisasinya berubah; dua Kajian baru telah ditubuhkan iaitu Kajian Senilukis dan Senireka dan Kajian Senibina Perancangan dan Ukur.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KURSUS-KURSUS	JANGKA MASA	NILAI TARAF
1. Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Profesional dalam bidang Perancangan
2. Diploma Lanjutan Senibina	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Profesional dalam bidang Senibina
3. Diploma Lanjutan Ukur Bahan	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Profesional dalam bidang Ukur Bahan
4. Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah	2 tahun	Setaraf dengan kelayakan profesional dalam bidang penilaian dan penaksiran
5. Diploma Lanjutan Bangunan	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian. Diiktiraf setaraf dengan The Chartered Institute Building Part II
6. Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
7. Diploma Seni Rupabumi	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
8. Diploma Ukur Bahan	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
9. Diploma Pengurusan Hartanah	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
10. Diploma Bangunan	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
11. Diploma Reka Bentuk Dalaman	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
12. Diploma Senibena	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
13. Sijil Perancangan Bandar dan Wilayah	2 tahun	Setaraf dengan Sijil Juruteknik dari Politeknik Ungku Omar

KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN

Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan telah ditubuhkan dalam tahun 1967. Pada peringkat awalnya, Kajian ini hanya menawarkan kursus Diploma in Hotel and Catering Management.

Objektif

Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan ditubuhkan bertujuan untuk mempercepatkan perkembangan tenaga terlatih bagi menampung keperluan pesat dalam perindustrian hotel, penyediaan makanan dan pelancongan di Malaysia. Bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran, sebuah hotel yang mempunyai 40 buah bilik bertaraf antarabangsa telah dibina dan dijangka siap pada pertengahan 1992.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KURSUS-KURSUS	JANGKA MASA
1. Diploma Pengurusan Hotel	3 tahun
2. Diploma Pengurusan Pelancongan	3 tahun
3. Diploma Pengurusan Perkhidmatan Makanan	3 tahun
4. Diploma Latihan Chef	3 tahun
5. Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Pembantu Tukang Masak)	1 tahun
6. Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Pengemasan)	6 bulan
7. Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Pramusaji)	6 bulan
8. Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran (Penyambut Tetamu)	6 bulan
9. Sijil Pengendalian Urusan Pelancongan	1 tahun

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Kajian ini mula ditubuhkan dalam tahun 1968 dengan kursus yang dikenali A.L.A bagi menyediakan pelajar mengambil peperiksaan luaran "External Professional Examination of the Library Association of United Kingdom". Dalam tahun 1972, Kajian memulakan kursus peringkat diploma sendiri untuk menyesuaikan dengan keadaan dan keperluan negara. Kursus ini diadakan bagi memenuhi keperluan tenaga pustakawan profesional di seluruh negara.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

KELAYAKAN	JANGKAMASA KURSUS	NILAI TARAF
1. Diploma Sains Perpustakaan	3 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am dari universiti-universiti tempatan
2. Diploma Lepas Ijazah Sains Perpustakaan	1 tahun	Diiktiraf sebagai kelayakan profesional untuk latihan ke jawatan Pegawai Perpustakaan

KAJIAN PERAKAUNAN

Kajian Perakaunan telah diwujudkan pada tahun 1960 dengan pengambilan pertama seramai 16 orang. Bagi menggiatkan lagi pengeluaran tenaga akauntan untuk menampung kekurangan dan keperluan negara Kursus Advanced Diploma In Accountancy telah dimulakan pada bulan Julai 1981 dan memakan masa selama 2 1/2 tahun. Kursus ini telah diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian dari universiti-universiti tempatan.

Kursus-kursus yang ditawarkan:-

KELAYAKAN	JANGKAMASA KURSUS	NILAI TARAF
Diploma Lanjutan Perakaunan	2 1/2 tahun	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan kepujian dari universiti-universiti tempatan
Diploma Perakaunan	3 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
Sijil Percukaian	1 tahun	-

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Kajian Perniagaan dan Pengurusan menawarkan berbagai bidang kursus untuk memenuhi permintaan yang kian bertambah dari berbagai organisasi perniagaan terhadap lulusan-lulusan yang berkelayakan. Kursus-kursus tersebut juga diharap dapat membentuk minat pelajar-pelajar dalam perniagaan dan pengurusan.

Kajian ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menghasilkan eksekutif yang terlatih dan berdisiplin serta memberi kemahiran perniagaan dan pengurusan kepada pelajar-pelajar.

Kursus-kursus yang ditawarkan:-

KURSUS-KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Masters In Business Administration	21 bulan	-
2. Executive Masters In Business Administration	21 bulan	-
3. Diploma Lanjutan Pengajian Pengajian (Kewangan)	4 tahun	Ijazah Kepujian
4. Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran)	2 tahun	Ijazah Kepujian
5. Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Insurans)	2 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
6. Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Sumber Manusia)	2 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
7. Diploma Lanjutan Pentadbiran Perniagaan (Pengangkutan)	4 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
8. Diploma Pengurusan Bank	3 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
9. Diploma Pengajian Perniagaan	3 tahun	
10. Diploma Analisis Pelaburan	3 tahun	
11. Diploma Pengajian Perniagaan (Insurans)	3 tahun	
12. Chartered Institute Of Transport	3 tahun	
13. Institute Of Marketing	3 tahun	

KAJIAN SEBARAN AM

Kajian ini telah ditubuhkan pada tahun 1972 dengan mendapat kerjasama dari Ohio Universiti, Amerika Syarikat dengan tujuan untuk memenuhi keperluan tenaga profesional yang berkelayakan dalam media massa. Pengambilan para pelajar kumpulan pertama adalah seramai 26 orang, terdiri dari calon-calon yang berkelulusan peringkat Higher School Certificate dan telah ditawarkan tiga bidang pengkhususan iaitu kewartawanan, pengiklanan dan perhubungan awam.

Pada tahun 1974 Kursus Penyiaran (3 tahun) telah diperkenalkan. Manakala kursus Penerbitan (3 tahun) telah diperkenalkan pada bulan Januari 1989. Objektif utama penawaran kursus-kursus tersebut ialah untuk menyediakan para pelajar bagi memenuhi kerjaya profesional dalam bidang-bidang Kewartawanan, Pengiklanan, Perhubungan Awam dan Penyiaran.

Pengajaran akademik di kajian ini adalah merangkumi matapelajaran asas komunikasi, matapelajaran liberal serta matapelajaran profesional seperti teori dan praktik dalam pengetahuan teknikal yang biasanya diberikan pada semester akhir. Kajian juga mengendalikan kursus Pra Diploma (6 bulan) Intensif Bahasa Inggeris khas.

Kursus-kursus yang ditawarkan ialah:

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
a. Diploma Sebaran Am (Kewartawanan)	3 1/2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am dari universiti-universiti tempatan
b. Diploma Sebaran Am (Perhubungan Awam)	3 1/2 tahun	
c. Diploma Sebaran Am (Penyiaran)	3 1/2 tahun	
d. Diploma Sebaran Am (Pengiklanan)	3 1/2 tahun	
e. Diploma Sebaran Am (Penerbitan)	3 1/2 tahun	

KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER

Kajian ini mula ditubuhkan dalam tahun 1966. Pada peringkat awal kajian menjalankan kursus profesional iaitu kursus Statistik dan Sains Aktuari bagi menyediakan pelajar-pelajar mengambil kursus Institute of Statisticians (UK) dan Institute of Actuaries (UK). Dalam tahun 1969 kajian mengendalikan satu lagi kursus baru iaitu Sains Komputer. Untuk menyesuaikan dengan keperluan negara, kursus-kursus luaran seperti Institute of Statisticians dan Institute of Actuaries telah digantikan dengan kursus-kursus dalaman iaitu Diploma Statistik dan Diploma Sains Aktuari.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Program Bersama Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Sains Komputer) ITM/UKM	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian
2. Diploma Lepasan Ijazah Analisis Sistem	1 tahun	Diiktiraf sebagai kelulusan tambahan kepada Ijazah untuk lantikan ke jawatan Juruanalisis Sistem
3. Diploma Lanjutan Statistik	2 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian
4. Diploma Statistik	3 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM/UPM
5. Diploma Sains Komputer	3 tahun	Antara STP/HSC dan Ijazah Am
6. Diploma Sains Aktuari	4 tahun	Setaraf dengan Diploma UTM
7. Sijil Pemrograman Komputer	1 tahun	

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

Latarbelakang:

Di awal penubuhannya dalam tahun 1967, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka disatukan dengan Kajian Senibina, Perancang dan Ukur dan dikenali sebagai Kajian Seni Gunaan. Kajian ini terletak di Petaling Garden dan pada bulan Julai 1970 telah berpindah ke Seksyen 17, Petaling Jaya.

Pada awal tahun 1982, kajian ini berpindah ke bangunannya sendiri, yang lengkap dengan ruang muzik, dewan untuk pementasan drama, bilik-bilik pameran, "foyer" yang luas untuk pameran jangka pendek, studio-studio untuk semua jabatan dan kafetaria. Bengkel-bengkel (workshop) juga disediakan untuk kursus-kursus berkenaan menjalankan latihan praktik mereka.

Di Kajian Seni Lukis dan Seni Reka juga terdapat sebuah Galeri Seni telah ditubuhkan dalam tahun 1983 dan dirasmikan oleh Y. B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia pada 29 September 1990. Manakala Pusat Daya Ciptayang berfungsi sebagai sebuah 'Production Unit' telah ditubuhkan pada 1984.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Diploma Pendidikan (Seni)	1 tahun	Setaraf dengan Diploma
2. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Halus)	3 tahun	
3. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Grafik)	3 tahun	
4. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Tekstil)	3 tahun	
5. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Logam Halus)	3 tahun	Setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am dari universiti-universiti tempatan
6. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Perindustrian)	3 tahun	
7. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seramik)	3 tahun	
8. Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Fesyen)	3 tahun	
9. Diploma Muzik	4 tahun	
10. Diploma Fotografi	3 tahun	
11. Diploma Teknologi Percetakan	4 tahun	

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang telah ditubuhkan pada tahun 1967. Matlamat utama penubuhan Kajian ini adalah untuk melatih, mendidik dan melahirkan cendekiawan bumiputera yang profesional dalam bidang undang-undang guaman, pentadbiran dan Setiausaha Syarikat.

Banyak Seminar-Seminar Dalaman telah dijalankan sama ada untuk faedah para kakitangan akademik mahupun para pelajar bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Disamping itu Kajian tidak ketinggalan juga menjalinkan perhubungan erat dengan institusi luar. Ada diantara pensyarah ini dijemput sebagai 'visiting lecturer' bagi tujuan pertukaran pendapat dan pengetahuan. Kajian juga telah didatangi/dilawati oleh tetamu-tetamu luar.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Diploma Lanjutan Undang-Undang	1 tahun	Setaraf Ijazah Sarjana Muda Kepujian - LLB (Hons)
2. Diploma Undang-Undang	3 1/2 tahun	Setaraf Ijazah Am Universiti tempatan
3 Diploma Pentadbiran Awam	3 tahun	Antara STPM dan Ijazah Am

KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN

Kajian Sains Kesetiausahaan bermula dengan tertubuhnya Kursus Stenografi dalam tahun 1960. Kursus Stenografi pada waktu itu ialah selama dua (2) tahun dan pelajar-pelajar disediakan bagi mengambil peperiksaan luaran: Pitman's Examination Institute, London Chamber of Commerce, dan Trengkas Melayu Institute (Singapore). Pada tahun 1968, kursus ini diletakkan di bawah pengelolaan Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang dan pada bulan Mac' 1974 Kajian Sains Kesetiausahaan telah diwujudkan. Tujuan kajian ialah untuk melatih dan mengeluarkan tenaga jurutrengkas/ setiausaha yang berkelayakan, cekap dan mahir di dalam menjalankan tugas mereka di sektor awam dan swasta.

Kursus Diploma Stenografi hanya ditawarkan di kampus cawangan Sabah, Sarawak, Perak dan Pahang. Kursus Diploma Setiausaha Eksekutif pula dimulakan di Jalan Othman pada bulan Julai 1985 dan hanya ditempatkan di kampus Jalan Othman Petaling Jaya sahaja.

Pelajar semester tiga dari Kursus Diploma Stenografi dikehendaki menjalani latihan praktik selama 6 minggu manakala dari Kursus Diploma Setiausaha Eksekutif dikehendaki menjalani latihan praktik pada semester keempat dan mereka ditempatkan di pejabat Kerajaan atau swasta.

Kursus-kursus yang ditawarkan:

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1. Diploma Sains Kesetiausahaan	2 1/2 tahun	Diiktiraf setaraf dengan Sijil Tinggi Pelajaran
2. Diploma Kesetiausahaan Eksekutif	3 1/2 tahun	

PUSAT PENDIDIKAN LUAR (PPL)

Kajian Luar Kampus diperkenalkan pada awal tahun 1973 sebagai memenuhi hasrat ITM untuk mengeluarkan golongan Bumiputera yang berpengetahuan dan berpendidikan di bidang iktisad dan separa iktisad daripada golongan yang sedang bekerja samada di sektor awam atau swasta.

Pada bulan Januari 1990 Kajian telah memperkenalkan kursus Program Pendidikan Jarak Jauh yang memberi peluang kepada mereka yang tinggal jauh dari pusat-pusat Kajian Luar Kampus mengikuti program-program yang ditawarkan. Pada peringkat awalnya tiga kursus diperkenalkan iaitu Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengajian Bank dan Diploma Pentadbiran Awam. Pada bulan September 1990, Majlis ITM telah meluluskan pertukaran nama kepada Pusat Pendidikan Luar (PPL).

Kursus-kursus yang ditawarkan:

BIL	NAMA KURSUS	JANGKAMASA
1	Diploma Lulusan Analisis Sistem	2 tahun
2	Diploma Lanjutan Perakaunan	3 1/2 tahun
3	Diploma Perakaunan	4 tahun
4	Diploma Pengajian Perniagaan	4 tahun
5	Diploma Pengurusan Bank	4 tahun
6	Diploma Pentadbiran Awam	4 tahun
7	Diploma Undang-Undang	5 tahun
8	Diploma Sebaran Am	4 tahun
9	Sijil Pemrograman Komputer	1 tahun
	Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)	
	a) Diploma Pengajian Perniagaan	
	b) Diploma Pengurusan Bank	
	c) Diploma Pentadbiran Awam	

PUSAT KURSUS LUARAN

Pusat Kursus Luaran diwujudkan dengan persetujuan Majlis ITM di dalam mesyuarat majlis yang ke 114 pada 12 Mei 1990. PKL mula beroperasi pada bulan September 1990.

Tujuan utama ditubuhkan adalah untuk menggiatkan dan mencergaskan semula peranan ITM di dalam mengendalikan kursus-kursus luaran.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan ialah:-

NAMA KURSUS	JANGKAMASA	NILAI TARAF
1) The Chartered Institute of Management Accountants (UK) (CIMA)	4 tahun	Profesional
2) The Chartered Association of Certified Accountants (UK) (ACCA)	4 tahun	
3) Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA)	4 tahun	
4. The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK) (ICSA)	4 tahun	Setaraf dengan Ijazah

PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN

1.0 Latar Belakang

Pusat Pendidikan Persediaan, ITM atau nama asalnya Kolej Pengajian Persediaan, ITM (KPP/ITM) telah memulakan aktiviti apabila Majlis ITM di dalam mesyuaratnya yang ke-40 (12 Januari 1982) telah memutuskan supaya ITM mengendalikan kursus Intensif Bahasa Inggeris bagi pemegang biasiswa Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun yang akan melanjutkan pelajar ke seberang laut.

Seterusnya dalam tahun 1983, Y.A.B. Perdana Menteri telah memberi arahan supaya mulai tahun 1985, semua pemegang biasiswa Kerajaan yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri dikehendaki mengikuti kursus persediaan di dalam negeri. Oleh kerana Kementerian Pendidikan tidak dapat mengendalikan kursus tersebut atas sebab-sebab tertentu dan juga dasar pelajarannya, pihak Kementerian Pendidikan telah meminta ITM mengendalikannya.

2.0 Objektif Pusat Pendidikan Persediaan

- i) memberikan asas yang kukuh dalam bahasa yang akan digunakan untuk mencari ilmu.
- ii) memberikan asas yang kukuh dalam matapelajaran yang penting yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pilihan pelajar.
- iii) untuk menentukan pelajar-pelajar lebih matang sebelum belajar di luar negeri dan di dalam negeri.
- iv) untuk menjimatkan pertukaran matawang, di samping memberi latihan untuk berdikari.

3.0 Program-Program yang dikendalikan di Pusat Pendidikan Persediaan

- i) Program khas ke universiti terkemuka di Britain/Amerika Utara
- ii) Pra-Universiti/matrikulasi
- iii) Kursus Ijazah pertama dengan kerjasama MUCIA/SUNY (ITM/MUCIA, ITM/SUNY)
- iv) Kursus Ijazah pertama dengan kerjasama UKM
- v) Kursus Ijazah pertama dengan kerjasama British Consortium (ITM/NCUK)
- vi) Dasar Pandang Ke Timur

3.1 Program Khas Ke Universiti Terkemuka di Britain dan Amerika Utara

Pelajar-pelajar yang paling cemerlang akan disalurkan melalui program ini. Pelajar-pelajar akan mengikuti program persediaan hanya selama 3 bulan sahaja di Pusat Pendidikan Persediaan, ITM untuk mengikuti Kursus Intensif Bahasa Inggeris dan Study Skill. Setelah itu mereka dihantar ke universiti terkemuka di Britain ataupun Kanada.

3.2 Kursus Pra-Universiti Matrikulasi

Terdapat 3 kursus matrikulasi/pra universiti iaitu:

- a) A Level
- b) Matrikulasi Perancis
- c) Australia Matrikulasi (AUSMAT)

a) Kursus A Level

Kursus ini mengambil masa selama 2 tahun di mana selepas itu pelajar-pelajar akan melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di universiti-universiti dan politeknik di United Kingdom melalui Program NCUK.

Para pelajar di peringkat permulaan dikehendaki belajar kursus Intensif Bahasa Inggeris selama 3 bulan (di samping Study Skills). Dalam masa 18 bulan berikut, mereka dikehendaki mengikuti bidang English for Academic Purposes untuk ELTS (English Language Testing Services).

Pelajar-pelajar dikehendaki mengambil 3 mata pelajaran sebagai kombinasi yang berdasarkan keperluan institusi di United Kingdom dan pencapaian SPM.

- b) **Matrikulasi Perancis**
Program ini menyediakan pelajar-pelajar khas bagi mereka yang ingin mengambil disiplin sains, kejuruteraan, senibina dan bidang Humanities di Perancis. Bahasa pengantar ialah Bahasa Perancis.

Pelajar-pelajar dikehendaki mengikuti pengajian selama 1 tahun di Malaysia dan mengikuti kursus peralihan di Perancis selama 1 tahun sebelum memulakan pengajian ke tahun pertama di IUT atau universiti-universiti di Perancis.

- c) **Matrikulasi Australia (AUSMAT)**
Program Matrikulasi Australia (AUSMAT) menyediakan pelajar-pelajar sebelum mereka mengikuti pengajian di universiti di Australia.

Program ini dimulakan dengan 6 bulan kursus Intensif bahasa Inggeris dan matrikulasi selama 11 bulan berikutnya. Pelajar AUSMAT dikehendaki lulus peperiksaan yang diadakan termasuklah yang dikelolakan oleh SSABSA (Senior Secondary Assessment Board of South Australia).

Pelajar yang lulus akan melanjutkan pengajian selama 3 tahun (untuk Ijazah Am) atau 4 tahun untuk Ijazah Kepujian.

3.3 Program Ijazah Pertama dengan Kerjasama Konsortium dari Amerika Syarikat

Program ini menyediakan kursus tahun 1 dan 2 bagi pelajar-pelajar yang akan melanjutkan tahun 3 di Amerika Syarikat.

Pada awal program ini dimulakan, ianya dilaksanakan dengan kerjasama 4 konsortium berikut:

- i) University of Maryland, University College (UMUC)
- ii) Texas International Educational Consortium (TIEC)
- iii) Midwest Universities Consortium International Activities (MUCIA)
- iv) State University of New York at Buffalo (SUNY)

Buat masa ini, hanya satu konsortium sahaja yang diteruskan iaitu MUCIA

- a) **MUCIA (Midwest Universities Consortium International Activities Inc)**
Program ini adalah sebuah gabungan yang mengandungi 8 universiti yang mana ianya diwakili oleh Indiana University.

Lapan buah universiti yang bergabung dalam MUCIA ialah:

1. University of Illinois
2. Indiana University, Bloomington
3. University of Iowa
4. Michigan State University
5. University of Minnesota
6. The Ohio State University
7. Purdue University
8. University of Wisconsin

Di peringkat permulaan, pelajar-pelajar akan mengikuti pengajian Bahasa Inggeris antara 8 - 40 minggu sebelum mengikuti kurikulum akademik.

3.4 NCUK

Program Northern Consortium United Kingdom dimulakan pada bulan Oktober 1988.

Program ini merupakan program bersama antara Institut Teknologi MARA dan Yayasan Kerajaan Mara dengan Northern Consortium United Kingdom. Pelajar-pelajar akan mengikuti kursus Ijazah Tahun Pertama selama setahun di program ini sebelum disalurkan ke Universiti/Politeknik di United Kingdom setelah lulus peperiksaan Tahun Pertama tersebut. Institusi yang menganggotai NCUK adalah Universiti Bradford, Leeds, Liverpool, Manchester, UMIST, Salford dan Sheffield serta politeknik-politeknik Huddersfield, Leeds, Liverpool, Manchester dan Sheffield.

Bahasa pengantar ialah Bahasa Inggeris kecuali Pengajian Islam.

3.5 TESL

Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) bermula pada bulan Julai, 1988 dengan pengambilan pertama seramai 300 pelajar dan semuanya adalah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Objektif program ini adalah untuk menambahkan lagi tenaga pengajar yang berkelayakan dan terlatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Menengah atau Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

Struktur program akademik bagi pengambilan pelajar 89/90 dan seterusnya adalah seperti berikut:

1. Program Matrikulasi (2 tahun/4 semester)
2. Program Ijazah (4 tahun/8 semester)

Kedua-dua tahun program matrikulasi dan tahun pertama program Ijazah dijalankan sepenuhnya di kampus Program TESL PPP/ITM. Manakala Program Ijazah tahun dua, tiga dan empat dijalankan di UKM, Bangi.

Program TESL ini adalah program usahasama di antara PPP/ITM, UKM dan Kementerian Pendidikan. Pelajar-pelajar yang berjaya kelak akan dikurniakan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) oleh Senat UKM.

3.6 DASAR PANDANG KE TIMUR

Kursus Intensif Bahasa Jepun dan Korea

Program ini melibatkan pengajian ke Jepun dan Korea. Ianya khusus untuk latihan bagi kakitangan yang telah bekerja (In-Plant). Tempoh belajar di Pusat Pendidikan Persediaan, Wisma Belia ialah selama 7 bulan dan bakinya 4 - 6 bulan di Jepun atau Korea. Semasa di Pusat Pendidikan Persediaan, ITM aspek menguasai Bahasa Jepun atau Korea dan memahami kebudayaan serta ko-kurikulum lebih ditekankan kepada pelajar-pelajar.

Mulai Mac 1989 program akademik Bahasa Korea dimulakan di PPP di mana pelajar-pelajar lepasan diploma diajar Bahasa Korea selama setahun sebelum dihantar memasuki universiti-universiti di Korea. Urusan sedang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menempatkan Korean Language Centre dengan bantuan kerajaan Korea di PPP/ITM.

PUSAT PERKHIDMATAN

PUSAT BAHASA

Pusat ini memberi perhatian terhadap perkembangan dan pendekatan mutakhir dalam pengajaran berbagai bahasa. Pusat Bahasa juga bertindak sebagai gedung simpanan dan pusat pengagihan maklumat dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pengajaran bahasa.

Program Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris adalah satu mata pelajaran yang diwajibkan bagi semua pelajar ITM.

Kursus-kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan boleh dibahagikan seperti berikut:-

- i) Remedial
- ii) Proficiency
- iii) English for Specific Purposes
- iv) Special English Courses

Program Bahasa Malaysia

Jabatan ini menawarkan kursus Bahasa Malaysia (khusus) kepada pelajar-pelajar dan Bahasa Malaysia (kemahiran) untuk kakitangan akademik.

- i) Kursus Bahasa Malaysia ditawarkan sebagai satu matapelajaran bagi memenuhi keperluan kajian dan pekerjaan.
- ii) Kursus Khas Bahasa Malaysia bagi kakitangan akademik ITM untuk mempertingkatkan kemahiran Bahasa Malaysia dalam pengajaran.

Program Bahasa Asia dan Eropah

Jabatan ini mempunyai tujuh (7) unit bahasa. Bahasa-bahasa yang ditawarkan adalah Bahasa Arab, Jepun, Jerman, Mandarin, Perancis, Itali dan Tamil. Bahasa-bahasa ini ditawarkan sebagai matapelajaran pilihan untuk pelajar-pelajar yang berminat dan menjadi matapelajaran wajib bagi mereka yang mengikutinya secara formal.

Diakhir kursus, pelajar-pelajar dijangka akan dapat menguasai perbendaharaan kata dengan bantuan tatabahasa sebagai asasnya untuk mereka memahami, menulis dan bertutur dalam bahasa-bahasa tersebut.

PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Kursus Pendidikan Islam diwajibkan ke atas semua pelajar Islam sementara pelajar-pelajar bukan Islam pula diwajibkan mengikuti Kursus Tamadun Islam dan pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Persediaan Diploma adalah diwajibkan mengikuti Kursus Pengantar Agama Islam.

Kursus Pendidikan Islam mengambil masa selama enam semester bermula dari semester pertama tahun pengajian dan tidak kurang dari dua jam seminggu.

Tujuan kursus pendidikan Islam diadakan adalah untuk:

- a) Membekalkan keilmuan dan kesedaran Islam yang cukup lengkap serta meningkatkan mutu rohaniyah, aqliyah dan sakhsiah pelajar.
- b) Meningkatkan usaha-usaha membuat kajian dan penyelidikan dalam segala bidang pengajian Islam.
- c) Melahirkan insan akademik yang mengabdikan diri kepada Allah.
- d) Meningkatkan rasa tanggungjawab dan istiqamah pelajar-pelajar dalam menghayati ajaran Islam disetiap kegiatan dan cara hidup.

Aspek-aspek yang ditekankan ialah mengintegrasikan kehidupan moden dengan kehendak-kehendak Islam untuk membolehkan graduan-graduan berperanan dalam dunia moden.

Pusat Pendidikan Islam juga mengendalikan Program M.I.T.E.K. (Maklumat Islam Melalui Telefon Dan Komputer) merupakan program baru Pusat Pendidikan Islam, ITM Shah Alam, bagi tahun 1992. Ia bertujuan untuk:

- 1) Menyampaikan maklumat-maklumat Islam kepada masyarakat ITM secara ringkas dan segera melalui kemudahan-kemudahan moden.
- 2) Membantu sesiapa yang tidak berkesempatan menghadiri kelas-kelas pengajian untuk mendalami atau mempertingkatkan pengetahuan Islam.
- 3) Memberi pandangan, pendapat atau nasihat mengenai sesuatu perkara atau masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum.

Program ini terbahagi kepada :-

- 1) Talian Terus (Hotline): Bahagian ini menyediakan pegawai-pegawai PPI untuk menjawab berbagai masalah yang dikemukakan oleh masyarakat ITM.

- 2) Rakaman Kaset : Bahagian ini menyediakan rakaman beberapa ceramah ringkas (1 hingga 3 minit) di dalam tajuk-tajuk tertentu mengenai Islam melalui telefon.
- 3) Komputer : PPI menyediakan maklumat-maklumat Islam dan menyalurkan melalui penggunaan komputer.

Dari segi pelaksanaan, PPI telah menyediakan sambungan nombor-nombor telefon berikut untuk bahagian Talian Terus :-

Sambungan 4606 (Lelaki)
Sambungan 3335 (Perempuan)

Manakala bahagian-bahagian 2 dan 3 sedang di dalam proses penyediaan untuk dilaksanakan kemudian.

Bidang-bidang maklumat yang diutamakan ialah mengenai hukum-hukum feqah, seperti berikut :-

1. Aqidah
2. Feqah:
 - a) Taharah
 - b) Ibadah
 - c) Muamalah
 - d) Munakahat
 - e) Jenayah
 - f) Fara'idh

PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PSPP)

Tugas Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran adalah untuk meningkatkan mutu profesional dan pengajaran para pensyarah melalui berbagai jenis kursus dan latihan serta pendedahan kepada berbagai kaedah pengajaran dan teknologi pendidikan terkini bagi menghasilkan pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar yang bermutu, cekap dan berkesan.

Di ITM keperluan mengajar dengan baik adalah penting kerana pelajar-pelajar yang memasuki ITM adalah kurang bermutu dari segi akademik.

Kegiatan utama PSPP ialah :-

- a) Program Latihan Asas Untuk Pensyarah-Pensyarah Baru
- b) Program Latihan 'Refresher'
- c) Kursus-Kursus Kaedah Pengajaran Pengkhususan
- d) Kursus-Kursus Terbuka
- e) Perkhidmatan Perunding
- f) Perkhidmatan Penyediaan Bahan-Bahan Pengajaran
- g) Perkhidmatan sebagai Pusat Pengagihan Alat-Alat Pengajaran
- h) Perkhidmatan Rekabentuk Percetakan
- i) Perkhidmatan Audio dan Video
- j) Perpustakaan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran

Setiap kampus cawangan juga telah mengujudkan sebuah Unit Sumber Pengajaran dan Pembelajaran masing-masing.

PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia ataupun MEDEC (Malaysian Entrepreneurship Development Centre) telah ditubuhkan di Institut Teknologi MARA pada tahun 1975 untuk membantu perkembangan usahawan Bumiputera di Malaysia melalui pendidikan, latihan dan penyelidikan keusahawanan.

Objektif PPUM adalah seperti berikut :-

- a) melahirkan dan membangunkan usahawan bumiputera yang berilmu serta yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan membolehkan mereka bergiat dengan lebih berkesan.
- b) membangunkan Enterprise Bumiputera yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam perdagangan dan perindustrian.
- c) membangunkan prasarana pengajian keusahawanan yang unggul.

Program-program utama yang dikendalikan ialah :-

- a) Program Latihan Keusahawanan
- b) Program Pembangunan Perniagaan

Sehingga ke tarikh ini, MEDEC telah berjaya melatih 1150 peserta di bawah program kursus Pembangunan Usahawan dan 535 peserta untuk kursus keusahawanan bagi kakitangan kerajaan/siswazah/jurulatih keusahawanan. MEDEC juga ditugaskan untuk menyampaikan kuliah mengenai unsur-unsur keusahawanan kepada semua pelajar-pelajar ITM pada semester akhir masing-masing.

PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Bagi menentukan penglibatan kakitangan ITM di dalam penyelidikan dan perundingan, sebuah pusat telah ditubuhkan dalam tahun 1987.

Peranan pusat ini terbahagi kepada tiga iaitu :-

- i) Penyelidikan di bawah peruntukan ITM
- ii) Penyelidikan di bawah peruntukan Program Intensification of Research Priority Areas (IRPA)
- iii) Perundingan

Pusat ini dikendalikan oleh seorang ketua dan tiga orang Koordinator dalam bidang Sains Kemasyarakatan, Sains dan Teknologi dan Sains Pengurusan. Mereka ini dipinjamkan sementara daripada kajian untuk tempoh 2 tahun. Penyelidikan dan perundingan dalam berbagai bidang yang wujud di ITM telah dijalankan dengan pesatnya.

PUSAT PENGAJIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Pusat ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Dato' Abu Hassan bin Haji Omar pada 9 Oktober 1982.

Pusat ini ditubuhkan ialah untuk:-

- 1) Meningkatkan taraf latihan dan pembangunan tenaga manusia dalam bidang pengangkutan dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pengangkutan.
- 2) Menjalankan projek penyelidikan berkenaan industri pengangkutan.

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

1. PUSAT SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU

Pusat Sistem Maklumat Bersepadu ITM ditubuhkan pada tahun 1991 bertujuan untuk mewujudkan satu perancangan sistem maklumat (ISP) sebagai plan induk ke arah pengkomputeran kampus yang bersepadu termasuk aspek-aspek akademik dan pentadbiran.

Perancangan Sistem Maklumat (ISP) akan mengenalpasti semua keperluan teknologi maklumat bagi jangkamasa lima (5) tahun akan datang untuk membantu mencapai objektif dan Misi ITM.

Pusat ini akan menjadi penyimpan dan pemproses data dan maklumat untuk ITM. Dasar Pengkomputeran ITM juga akan dilaksanakan oleh Pusat ini.

2. PUSAT PERKEMBANGAN TEKNOLOGI (PPT)

Sebuah Pusat Perkembangan Teknologi akan diwujudkan dalam tempoh RM6. PPT ditubuhkan dengan tujuan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam menjalani latihan praktik seperti sukar mendapat tempat latihan, masalah pengawasan latihan yang berkesan, jangkamasa latihan yang pendek dan sebagainya.

Fungsi Pusat ini ialah:-

- i) Mewujudkan tempat latihan ala 'teaching hospital' bagi pelajar-pelajar kejuruteraan, rekabentuk industri, teknologi getah dan plastik dan lain-lain.
- ii) Mewujudkan kerja pembuatan.
- iii) Memberi latihan kepada kakitangan ITM dan agensi-agensi lain (awam dan swasta) untuk mendapatkan pengiktirafan keprofesionalan.
- iv) Sebagai perunding/penasihat.
- v) Kemudahan pembuatan untuk membikin keluaran atau mesin pemeroses.
- vi) Menguji dan menentukan peralatan.
- vii) Membuat peralatan makmal dan kerja-kerja penyelidikan.
- viii) Mengendalikan pembaikan dan penyelenggaraan peralatan ITM.

3. PUSAT CADEM

Dalam usaha ITM menentukan pelajar, graduan dan kakitangannya mendapat maklumat dan kemudahan terkini dalam bidang masing-masing, penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran diutamakan untuk tujuan ini. Sebuah pusat "Computer Aided Design , Engineering and Manufacturing" atau nama ringkasnya 'CADEM", ditubuhkan untuk memberikan latihan, kemahiran dan perundingan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan ITM serta masyarakat umum mengenai keperluan penggunaan komputer di pelbagai industri pembuatan di negara kita.

Perkhidmatan yang disediakan adalah:-

- i) Perkhidmatan Latihan Kakitangan ITM dan industri
- ii) Perundingan

4. PUSAT INOVASI

Sebuah pusat inovasi akan diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pusat ini merupakan sebuah inkubator perniagaan/perusahaan bertujuan membantu penubuhan syarikat kecil.

Bidang kegiatan pusat ini akan merangkumi:-

- i) Perkhidmatan
- ii) Pengeluaran berskil kecil
- iii) Pengeluaran prototaip

Perkhidmatan sokongan yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:

- i) Ruang
- ii) Khidmat
 - a) Khidmat Terpusat
 - b) Khidmat Nasihat
 - c) Sokongan Pemasaran
 - d) Hubungan dengan agensi
 - e) Rangkaian Sosial

Pada dasarnya penubuhan Pusat Inovasi dan Pusat Perkembangan Teknologi telah diluluskan. Bagaimanapun, pembinaan bangunan bagi pusat-pusat ini adalah di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Pusat CADEM telahpun dirasmikan pada 1 Oktober 1991 dan buat sementara waktu ditempatkan di Kajian Sains Gunaan. Pusat CADEM dan Pusat Perkembangan Teknologi akan ditempatkan di bangunan Kajian Sains Matematik dan Komputer apabila ia siap dibina.

5. UNIT PERANCANGAN DAN PENILAIAN

Unit ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membuat perancangan dan penilaian bagi menentukan sama ada tugas dan objektif ITM tercapai dengan cara yang sempurna dan berkesan melalui sistem yang kos-efektif dan bermutu.

Tugsa Penilaian adalah untuk:-

- o Mewujudkan kriteria dan prosedur penilaian
- o Mengkaji dan menilai keputusan, polisi dan susunan kerja
- o Membuat cadangan untuk mengemaskini, memperkukuh, menganalisis dan memahami tindakan-tindakan yang wajar
- o Membantu pengurusan dalam perancangan pendidikan untuk sekarang dan masa hadapan

Tugas Perancangan (fizikal)

- o Mengenalpasti dan mendapat kelulusan tentang penubuhan kampus cawangan.
- o Mendapatkan tanah dan membuat penilaian tapak kampus.
- o Membuat permohonan hak milik tanah.
- o Menyediakan Rancangan Katatur

Perancangan Am

- o Mengenalpasti kursus-kursus baru yang boleh ditawarkan di ITM.
- o Membuat pelunjukan enrolmen pelajar dan keperluan ruang-ruang kuliah, pejabat, asrama serta alat kelengkapan.
- o Menyediakan laporan Rancangan Pembangunan dan Kajian semula.
- o Membuat pelunjukan keperluan Kakitangan dan Kewangan.

6. UNIT PERCETAKAN ITM

Unit ini ditubuhkan pada pertengahan tahun 1975, dengan mengambilalih serta menyatukan beberapa aktiviti percetakan. Tujuan asal penubuhan unit ini ialah sebagai unit pengeluaran (service-centre) dan juga sebagai makmal pendidikan kepada pelajar-pelajar dan Kajian Sebaran Am dan Kajian Seni Lukis & Seni Reka.

Unit ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:-

- i) **Bahagian Pentadbiran** - mengendalikan tugas-tugas pentadbiran
- ii) **Bahagian Reprografik** - menyelaras kerja-kerja 'pre-press'
- iii) **Bahagian Pengeluaran** - menguruskan cetakan dan penyelesaian cetakan (finishing)

7. PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Perpustakaan ITM ditubuhkan dalam tahun 1960 di bawah Dewan Latihan RIDA di Jalan Othman. Pada tahun 1972 bangunan perpustakaan di kampus Shah Alam siap dibina dan dinamakan Perpustakaan Tun Abdul Razak. Selain dari 2 perpustakaan di kampus pusat Shah Alam, ada 11 perpustakaan cawangan iaitu di Jalan Othman (Selangor), Seputeh (Wilayah Persekutuan), Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Johor, Melaka, Pahang, Perak dan Kelantan.

Mulai Januari 1986 selain daripada perkhidmatan di Bangunan Lama PTAR (PTAR I) perkhidmatan juga diberi di Bangunan Tambahan (PTAR II).

Perkhidmatan

Pada masa ini perkhidmatan yang diberi adalah seperti berikut dan meliputi bahan-bahan yang disediakan:-

- o Memberi pinjaman buku
- o Membuat tempahan buku-buku
- o Perkhidmatan Pembaca
- o Perkhidmatan Rujukan

- o Perkhidmatan Majalah
- o Perkhidmatan Salinan Fotostat
- o Pinjaman antara perpustakaan
- o Perkhidmatan Penjilidan yang tertentu
- o Perkhidmatan bilik bacaan 24 jam
- o Perkhidmatan bilik karek PTAR I
- o Perkhidmatan bilik seminar PTAR II
- o Perkhidmatan bilik mikro
- o Perkhidmatan mesin taip
- o Perkhidmatan Prospektus Institusi Pengajian Tinggi

8. SUDUT ILMU

Sudut Ilmu yang terletak di Dataran Perpustakaan Tun Abdul Razak telah ditubuhkan untuk mendedahkan seberapa banyak ilmu pengetahuan kepada bilangan pelajar yang maksima tetapi mempunyai kesan yang mendalam dalam masa yang singkat.

Tiap-tiap kursus di ITM akan dapat mempamerkan maklumat serta aktiviti-aktiviti melalui pengenalan ringkas, sejarah, carta jadual dan model. Pameran ini berjalan sepanjang tahun dan pelajar-pelajar berpeluang memperolehi ilmu pengetahuan di luar bidang-bidang pengkhususan mereka.

Kampus-kampus cawangan mengadakan Sudut Ilmu di perpustakaan atau tempat yang terdedah kepada semua pelajar kerana matlamatnya ialah untuk menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar. Bahan-bahan pameran dari Shah Alam dibawa ke kampus-kampus cawangan secara bergilir-gilir.

9. BIRO PENYEDIAAN TEKS (BIROTEKS)

Biroteks telah ditubuhkan pada awal 1981 bagi melaksanakan polisi Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang sempurna. Biroteks juga bertanggungjawab menterjemahkan buku-buku teks, menyusun dan menyelaraskan tugas-tugas pengistilahan, menyediakan bahan-bahan rujukan dan menggalakkan kakitangan menulis dan penterjemahkan bahan-bahan pembelajaran. Selain daripada itu Biroteks juga mengendalikan pe-cetakan, pemasaran dan penjualan buku dan monograf ilmiah.

Objektif

- ✳ Menhasilkan bahan bacaan yang mengandungi ciri-ciri tempatan, sesuai dengan kehendak kursus.
- ✳ Menjaga mutu pengajian dan taraf akademiknya dengan menghasilkan karya-karya ilmiah.
- ✳ Pembentukan isulah dan penggunaan Bahasa Malaysia dapat dipercepatkan dan diselaraskan.

KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN

ITM mempunyai 9 cawangan di seluruh Malaysia kecuali di Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

1. ITM CAWANGAN SABAH

ITM cawangan Sabah telah ditubuhkan di Sembulan dalam bulan Julai 1973 dengan bantuan dan kerjasama Yayasan Sabah dan Kerajaan Negeri Sabah.

Kampus tetap cawangan ini seluas 300 hektar persegi terletak di Kuala Menggatal dan mengandungi sebuah kantin, dewan, 4 buah bangunan asrama, bilik-bilik kuliah, perpustakaan, pusat rekreasi pelajar dan 32 unit rumah Institut.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Banking Studies (BM12)
- ii) Diploma in Public Administration (AL10)
- iii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iv) Diploma in Stenography (SS10)
- v) Pre-Science (KP06)
- vi) Pre-Commerce (KP04)

ITM cawangan Sabah juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus luar kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Public Administration (AL10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)

2. ITM CAWANGAN SARAWAK

Kampus ITM cawangan Sarawak telah ditubuhkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, Yayasan Sarawak dan ITM pada bulan Julai 1973.

Sejak penubuhannya hingga bulan Julai 1987, kampus ini menumpang di kawasan Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching. Mulai Julai 1987, ITM cawangan Sarawak telah berpindah ke kampus sementara di Semenggok, selama 2 tahun. Pada bulan Julai 1989, kampus cawangan ini berpindah ke kampus tetap seluas 42,909 hektar di Semariang.

Fasa permulaan kampus ini mengandungi blok pentadbiran, blok pensyarah, blok kuliah, dewan makan dan dua buah asrama yang boleh memuatkan 1,000 orang pelajar.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Diploma in Stenography (SS10)
- v) Pre-Commerce (KP04)

Kampus cawangan Sarawak juga menjalankan Kursus Luar Kampus. Kursus-kusus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Public Administration (AL10)

3. ITM CAWANGAN PERLIS

ITM cawangan Perlis ditubuhkan pada bulan Ogos 1974 dengan pengambilan pertama seramai 258 orang pelajar.

Pada masa tersebut ITM cawangan Perlis menumpang di sebuah bangunan Rumah Pengakap yang diubahsuai di Jalan Padan Katong, Kangar untuk dijadikan kampus sementara.

Pada tahun 1980 ITM cawangan Perlis telah berpindah ke kampus tetap di bandar Arau di atas sebidang tanah seluas 150 hektar (330 ekar) yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Perlis.

Kemudahan yang disediakan di kampus tetap termasuklah 5 blok asrama 4 tingkat yang boleh menampung seramai 600 orang pelajar lelaki dan 400 orang pelajar wanita. Selain daripada itu kampus juga dilengkapi dengan bangunan Pentadbiran, perpustakaan, bilik-bilik kuliah dan Dewan Kuliah, makmal, dewan besar, Mini Stadium, gymnasium, Pusat Islam dan Bengkel Kejuruteraan.

ITM cawangan Perlis merupakan satu-satunya kampus ITM yang mempunyai ladang seluas 61.6 hektar (152 ekar) bertujuan untuk menyediakan kemudahan latihan praktik dan penyelidikan dalam bidang pengurusan ladang kepada pelajar-pelajar 'Diploma in Planting Industry & Management'. Tanaman yang terdapat termasuklah getah, kelapa sawit, ciku, mempelam, kelapa mawa dan lain-lain.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Planting Industry & Management (AS10)
- ii) Diploma in Accountancy (AC 10)
- iii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iv) Diploma in Banking Studies (BM12)
- v) Diploma in Public Administration (AL10)
- vi) Diploma in Science (AS19)
- vii) Diploma in Engineering
- viii) Pre-Science (KP05/KP07)
- ix) Pre-Commerce (KP04)

Kecuali kursus Diploma in Engineering, semua kursus lain ditamatkan di kampus cawangan ini. Program kursus Pre-Science pula dijalankan selama 6 bulan (satu semester) dan merupakan kursus persediaan untuk pelajar mengikuti kursus-kursus Diploma Kejuruteraan dan Diploma di bawah Kajian Sains Gunaan.

ITM cawangan Perlis juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus luar kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Public Administration (AL10)
- iii) Diploma in Business Studies (BM11)

4. ITM CAWANGAN TERENGGANU

Institut Teknologi MARA cawangan Terengganu telah ditubuhkan pada 1 Julai 1975 di Sura Gate, Dungun. Kampus tetap seluas 334.7 ekar di Sura Hujung terletak di kawasan bukit dan pantai.

Kemudahan yang disediakan di kampus tetap termasuklah asrama siswa dan siswi, bangunan pentadbiran, perpustakaan, bilik kuliah, dewan besar, Pusat Islam dan gymnasium. Kampus Sura Gate masih digunakan untuk kursus Diploma in Stenography manakala Molek Inn pula digunakan bagi kursus Certificate in Hotel & Restaurant Services.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Diploma in Public Administration (AL10)
- v) Diploma in Stenography (SS10)
- vi) Diploma in Computer Science (SC10)
- vii) Certificate in Hotel & Restaurant Services (CHRS)

ITM cawangan Terengganu juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus Luar Kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Public Administration (AL10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)

5. ITM CAWANGAN JOHOR

Institut Teknologi MARA cawangan Johor telah memulakan operasinya pada 15 Disember 1983 di satu tapak sementara di Taman Indah, Bukit Siput, Segamat.

Kampus sementara yang terdiri dari 24 unit rumah teres 2 tingkat, 12 unit rumah kedai 3 tingkat, 3 unit rumah kedai 2 tingkat dan dua unit rumah berkembar 2 tingkat, telah disewa untuk digunakan sebagai asrama, bilik kuliah, pejabat dan lain-lain kegunaan. Di samping itu, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Jabatan Daerah, sebuah sekolah telah dipinjamkan untuk dijadikan asrama bagi menampung pertambahan bilangan pelajar. Asrama tersebut yang telah menempatkan seramai 160 orang pelajar telah diubahsuai dan mula digunakan pada Januari 1985.

ITM cawangan Johor telah berpindah ke kampus tetap seluas 200 hektar di Batu 8, Jalan Segamat-Muar pada bulan Disember 1989.

Kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Diploma in Stenography (SS10)

ITM cawangan Johor juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus Luar Kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Public Administration (AL10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)

6. ITM CAWANGAN MELAKA

ITM cawangan Melaka telah memulakan operasinya pada 15 Ogos 1984 di kampus sementara yang terletak di bangunan IKM lama di Jalan Hang Tuah, Melaka dengan pengambilan pertama seramai 160 orang pelajar. Untuk penempatan pelajar, pihak ITM telah menyewa beberapa buah rumah di sekitar Taman Usrah, Kampus Lapan, iaitu sejauh 4 km. dari bangunan kampus.

Kerana kekurangan bilik-bilik kuliah di kampus Jalan Hang Tuah, ITM cawangan Melaka telah membuka kampus tambahan di Jalan Bacang untuk sesi Julai 1985. Tapak kampus tetap ITM cawangan Melaka seluas 348 ekar, di Lendu, Alor Gajah telah pun diperolehi.

ITM Caw. Mel. telah berpindah ke kampus tetap di Lendu Alor Gajah. Dilengkapkan dengan bangunan pentadbiran akademik, asrama & kompleks sukan

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Diploma in Public Administration (AL10)
- v) Diploma in Stenography (SS10)
- vi) Diploma in Mass Communication (MC10)

Kampus cawangan Melaka juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Public Administration (AL10)
- i i) Diploma in Business Studies (BM11)

7. ITM CAWANGAN PERAK

Institut Teknologi MARA cawangan Perak telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Januari 1985 dengan pengambilan pelajar perintis seramai 200 orang. Kampus cawangan ini merupakan kampus yang ke-8 dari jumlah sembilan (9) buah kampus ITM di seluruh negara, termasuk kampus induk di Shah Alam. Penubuhan kampus ini telah dijalankan dengan kerjasama sepenuhnya dari Kerajaan Negeri Perak.

Kampus cawangan Perak, terletak di Bandar Baru Sri Manjong, Sitiawan dengan menggunakan 15 unit bangunan rumah kedai dua tingkat sebagai pejabat pentadbiran, bilik-bilik kuliah, asrama siswi, perpustakaan, surau, dewan makan dan stor. Di samping rumah-rumah kedai tersebut beberapa blok rumah teres setingkat telah disewa sebagai asrama bagi penempatan siswa dan beberapa unit sebagai asrama tambahan untuk siswi.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Diploma in Computer Science (CS10)
- v) Diploma in Stenography (SS10)
- vi) Diploma in Town & Regional Planning (AP11)
- vii) Diploma in Architecture (AP13)
- viii) Certificate in Town & Regional Planning (AP09)
- ix) Diploma in Quantity Surveying (AP14)
- x) Diploma in Estate Management (AP15)
- xi) Diploma in Building (AP16)
- xii) Diploma in Interior Design (AP17)
- xiii) Pre-Science (Computer Science [KP05])

ITM cawangan Perak juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Public Administration (AL10)
- iii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iv) Diploma in Banking Studies (BM12)
- v) Certificate in Computer Programming (CS09)

8. ITM CAWANGAN PAHANG

Institut Teknologi MARA cawangan Pahang telah dirasmikan penubuhannya pada 1 Januari 1985 di Teluk Sisek, Kuantan. Antara kemudahan yang disediakan di kampus sementara ini ialah bangunan pentadbiran yang terletak di Jalan Teluk Sisek, asrama siswa dan asrama siswi di Pangsapuri Bukit Sekilau. Kerja-kerja pembangunan kampus tetap ITM cawangan Pahang di Jengka bermula pada bulan Mac 1988 tetapi terpaksa diberhentikan kerana masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Stenography (SS10)
- iii) Diploma in Computer Science (CS10)
- iv) Diploma in Planting Industry & Management (AS10)
- v) Diploma in Science (AS19)
- vi) Pre-Science (KP05)
- vii) Pre-Commerce (KP04)

ITM cawangan Pahang juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus Luar Kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Public Administration (AL10)

9. ITM CAWANGAN KELANTAN

Institut Teknologi MARA cawangan Kelantan telah memulakan operasinya sebagai kampus ITM yang kesembilan pada 1 Julai 1985, di kampus sementara yang terletak di Kem Kijang, Kota Bharu.

Kerajaan negeri telah membenarkan ITM menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kem Kijang di samping membina beberapa buah bangunan baru untuk dijadikan asrama, bilik kuliah dan blok pentadbiran.

ITM telah diberi tapak seluas 550 ekar di Bukit Ilmu, Macang untuk dijadikan kampus tetap ITM cawangan Kelantan.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)
- iv) Pre-Commerce (KP04)

ITM Cawangan Kelantan juga menjalankan Program Luar Kampus. Kursus-kursus Luar Kampus yang ditawarkan di dalam program ini ialah:-

- i) Diploma in Accountancy (AC10)
- ii) Diploma in Business Studies (BM11)
- iii) Diploma in Banking Studies (BM12)

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah satu daripada bahagian terpenting di dalam struktur organisasi Institut Teknologi MARA. Bahagian ini ditubuhkan khas untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada pelajar-pelajar sama ada dari segi lahiriah mahupun dari segi rohaniah.

Kepentingan Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini semakin jelas kelihatan apabila wujudnya Akta 174 atau dikenali juga dengan nama Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Fungsi utama Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah seperti berikut:-

- i) Menyelaraskan perhubungan pelajar-pelajar dengan pentadbiran ITM, Institusi-institusi pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan luar.
- ii) Menyelaraskan kegiatan-kegiatan pelajar seperti agama, kebudayaan, sukan dan sosial.
- iii) Menyediakan kemudahan tempat tinggal serta alat-alat perabut kepada pelajar.
- iv) Menyediakan kemudahan makanan kepada pelajar-pelajar yang tinggal di Kolej.
- v) Menjaga ketenteraman dalam kampus melalui pelaksanaan Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Pengurusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar terbahagi kepada dua cabang utama iaitu:-

- A. PERHUBUNGAN PELAJAR
- B. KEMUDAHAN PELAJAR

Setiap cabang pengurusan ini terdapat beberapa unit di bawahnya.

A. PERHUBUNGAN PELAJAR

i) UNIT SUKAN

Unit ini bertujuan untuk memesatkan lagi penyertaan pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan Institut Teknologi MARA dalam kegiatan sukan serta memberikan perkhidmatan latihan praktikal serta teori kepada mereka yang berminat cergas dalam hal-hal sukan.

ii) UNIT KEBUDAYAAN

Unit Kebudayaan ditubuhkan pada tahun 1976 bertujuan untuk faedah kegiatan seni dan budaya di kampus Shah alam.

Dasar Unit Kebudayaan adalah selaras dengan dasar kebudayaan nasional, iaitu mewujudkan satu keperibadian kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini.

iii) UNIT KESATRIA

Latihan Kesatria adalah merupakan salah satu kegiatan ko-kurikulum yang diwajibkan oleh ITM untuk selama dua, tiga atau empat semester. Ia dijalankan seminggu sekali untuk selama dua jam.

Latihan Kesatria adalah berupa ala ketenteraan yang meliputi latihan kawad kaki, berjalan lasak, membaca peta dan kompas, pertahanan awam, pertolongan cemas, latihan bomba, ceramah kepimpinan, akhlak, tatatertib agama dan undang-undang.

iv) **KEGIATAN PELAJAR**

Hal Ehwal Pelajar memang menggalakkan pelajar-pelajar sekalian giat bergerak melalui organisasi-organisasi tertentu yang sah kewujudannya ketika mereka berada di kampus. Organisasi yang dimaksudkan itu ialah:-

- a) Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)
Persatuan Dalaman di Kajian dan Unit-unit Ko-kurikulum
- b) Jawatankuasa-jawatankuasa Kolej

v) **UNIT AGAMA**

Tujuan unit ini adalah seperti berikut:

- a) Memberikan bimbingan keagamaan kepada para pelajar dengan mengalirkan mereka kepada ajaran Islam dan nilai-nilai yang murni.
- b) Berusaha menghindarkan para pelajar daripada terpengaruh dengan aliran-aliran dan ajaran-ajaran bercanggah dengan nilai-nilai agama Islam.
- c) Menyelesaikan kekusutan pemikiran dan jiwa di kalangan para pelajar, yang bertitik tolak daripada kurangnya kefahaman mereka dalam pengetahuan Islam terutamanya mengenai masalah-masalah yang timbul dan disebabkan juga ketiadaan hidayah dan sinar agama sebagai panduan.

vi) **UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING (UKK)**

Untuk kesejahteraan pelajar, Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) ada menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

- a) Perkhidmatan Kaunseling Peribadi
- b) Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya
- c) Perkhidmatan Kaunseling Pekerjaan

B. KEMUDAHAN PELAJAR

i) **Unit Kolej dan Makanan**

Tiap-tiap Kolej ditadbirkan oleh Penggawa dengan bantuan beberapa orang pegawai lain. Kolej-kolej yang ada ialah:-

- a) Cempaka/Kenanga (perempuan)
- b) Seroja (perempuan)
- c) Perindu (lelaki)
- d) Delima (lelaki & perempuan)
- e) Jati (lelaki & perempuan)
- f) Masmerah/Beringin (lelaki & perempuan)
- g) Anggerik

ii) **Biasiswa dan Kemudahan Pelajar**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar ada memberi perkhidmatan penyalaraan mengenai sesuatu bantuan daripada luar seperti Kerajaan Malaysia, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, swasta serta bank.

Jenis-jenis bantuan luar ini adalah berupa seperti:-

- a) Biasiswa
- b) Dermasiswa
- c) Pinjaman

iii) **Tatatertib Pelajar**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan bagi mengawal disiplin pelajar-pelajar yang terkandung di dalam Akta 174 - Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib - 1976).

YB Menteri Pendidikan Malaysia telah melantik Timbalan Pengarah (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar selaku Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar.

Pegawai Hal Ehwal Pelajar telah menubuhkan sebuah Lembaga Tatatertib yang terdiri daripada pegawai-pegawai ITM. Tujuan utama Lembaga ini adalah:-

- a) Bagi menjaga nama baik dan kesentosaan institusi
- b) Bagi mempertahankan undang-undang bertulis yang telah diperuntukan untuk institusi dan pelajar-pelajar.

Di peringkat Kolej Kediaman pula, sebuah Jawatankuasa Tatatertib Pelajar yang dipengerusikan oleh Penggawa Kolej masing-masing telah ditubuhkan bagi mengendalikan kes-kes yang berlaku di Kolej.

iv) **Unit Perubatan**

Unit Perubatan telah ditubuhkan untuk memberi keperluan kesihatan pelajar, merawat pelajar yang tidak sihat, merujuk pelajar untuk rawatan selanjutnya dan memberi nasihat mengenai perubatan dan kesihatan.

Beberapa orang Doktor, Pembantu Perubatan, Jururawat dan Penolong Jururawat sentiasa bersedia menolong menyelesaikan masalah kesihatan pelajar.

v) **Unit Pergigian**

Klinik Pergigian Pelajar Institut Teknologi MARA ditubuhkan pada 20 Oktober 1982. Klinik yang terletak di tingkat 3, Bangunan Budi Siswa ini berfungsi untuk memberi rawatan pergigian, pencegahan, rawatan pergigian, pengubatan dan pemulihan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan ITM. Klinik ini diketahui oleh 2 orang Pegawai Pergigian yang bertanggungjawab sepenuh masa.

PENTADBIRAN AM

Bahagian Hal Ehwal Pelajar ada menyediakan empat jenis tabung kewangan untuk kemudahan para pelajar sekalian.

- a) **Tabung Kegiatan Pelajar dan Ko-kurikulum (TKK) :-**
untuk membiayai kegiatan-kegiatan pelajar serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan matapelajaran Ko-kurikulum.
- b) **Tabung Kebajikan Pelajar :-**
untuk membantu pelajar yang benar-benar perlukan wang secara pinjaman sementara.
- c) **Tabung Kecemasan Pelajar:-**
untuk membantu meringankan beban penderitaan pelajar apabila ditimpa oleh sesuatu kemalangan seperti kematian dan kemalangan jalanraya.
- d) **Tabung Amanah Am Kolej:-**
untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pelajar-pelajar di kolej.

PENCAPAIAN

Kampus Cawangan

Bagi memenuhi objektif ITM untuk memberi lebih banyak peluang pendidikan kepada bumiputera, ITM telah menubuhkan kampus-kampus cawangan;

Jadual 8 : Pembangunan Fizikal Kampus Cawangan

Kampus	Tahun Ditubuhkan	Status	Catatan
Sarawak	Julai 1973	} Kampus Tetap	akan dipindahkan ke Kota Samarahan
Sabah	Julai 1973		
Perlis	Julai 1974		
Terengganu	Julai 1975		
Johor	Julai 1984		
Melaka	Ogos 1984	} Kampus Sementara	Kampus Tetap dijangka siap pada pertengahan 1993
Perak	Januari 1985		
Pahang	Januari 1985		Jangkamasa siap pada Julai 1992. Masalah perumahan. Hanya \$19 juta diluluskan dalam RM6
Kelantan	Julai 1985		Peruntukan diluluskan tetapi projek ditangguhkan
Pulau Pinang	-		Hanya \$30 juta diperuntukan membeli tanah
Kedah	-		Akan dibina dalam RM6
Negeri Sembilan	-		Tidak diberi peruntukan

Walaupun 5 buah kampus cawangan telah memperolehi status kampus tetap tetapi kampus-kampus tersebut hanya 40% lengkap kerana peruntukan yang diluluskan dalam RM6 adalah terhad bagi membolehkan kampus itu siap sepenuhnya dengan kemudahan akademik dan kemudahan rekreasi yang sewajarnya.

LULUSAN

ITM ditubuhkan sebagai institusi perintis untuk bumiputera mendapat pendidikan dalam bidang profesional dan separa profesional. Kebanyakan lulusan ITM didapati bekerja di sektor swasta dan peratusan lulusan yang bekerja di sektor ini meningkat dari 55% pada tahun 1983 kepada 81% pada tahun 1989. (Sila rujuk Jadual 1 di bawah ini)

Jadual 1 : Tumpuan Tempat Bekerja

Tahun	1983 %	1984 %	1985 %	1986 %	1987 %	1988 %	1989 %
Sektor Awam	36.63	32.19	40.14	48.23	32.9	22.8	7.5
* Sektor Swasta	55.22	62.26	57.66	43.41	60.9	70.9	81.4
* Kerja Sendiri	1.10	1.42	2.20	2.25	4.2	6.3	11.1

Walaupun ITM mengambil pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti, graduan-graduan ITM dikehendaki bersaing di sektor swasta sama dengan graduan universiti-universiti dan IPT yang lain. Inilah satu keistimewaan dan kejayaan ITM berkat ketekunan dan sumbangan gigih semua kakitangan ITM.

Untuk menentukan graduan ITM memenuhi kehendak-kehendak pihak swasta khususnya, beberapa langkah penting telah dilaksanakan walaupun tidak begitu popular di kalangan setengah-setengah pihak. Antara langkah-langkah ini ialah:

a) **Memantapkan program akademik/ko-kurikulum**

- (i) Semua pelajar ITM dimestikan mengambil dan lulus dalam matapelajaran Bahasa Inggeris bagi empat semester sebelum dianugerahkan diploma. Bagi pengambilan pelajar, semua pelajar mesti mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris pada peringkat SPM;
- ii) ITM memestikan semua pelajar mengambil dan lulus pelajaran ko-kurikulum selama 4semester sebelum mendapat diploma. Semua pelajar mesti mengambil ko-kurikulum KESATRIA pada semester pertama. Ini dilakukan kerana kita ingin menanam unsur-unsur disiplin diri;
- iii) ITM juga memestikan pelajar mengambil matapelajaran Pendidikan Islam dan Tamaddun Islam (bagi bukan Islam) selama 6 semester. Program ini dijalankan untuk mengeluarkan graduan-graduan yang berakhlak dan berperibadi mulia;
- iv) Satu pelajaran 'Pengantar Keusahawanan' diberikan kepada setiap pelajar ITM sejak tahun 1988. Kursus ini diberi kepada pelajar dalam semester akhir atau satu semester sebelum akhir. Pelajaran yang diajar ialah memahami konsep-konsep dan pemetaan diri pelajar-pelajar supaya jika sesuai, boleh menjadi usahawan. Bagi pelajar-pelajar yang berbakat dan menunjukkan minat, mereka diberi latihan tambahan;
- v) Program-program pembangunan diri dan personaliti serta kepimpinan dijalankan secara sistematik kepada pelajar-pelajar menerusi kolej-kolej kediaman dan juga persatuan dalaman. Program ini diharap dapat menjadikan graduan ITM mempunyai sikap berani boleh bersaing dan tahan lasak;
- vi) Semua pelajar-pelajar ITM diberikan pendedahan kepada penggunaan komputer dan teknologi maklumat supaya mereka "celik komputer";

vii) ITM juga menetapkan bahawa pelajar-pelajar yang pencapaian akademiknya lemah, (CGPA kurang daripada 2.3) tidak akan diberikan kemudahan asrama. Ini bertujuan supaya pelajar-pelajar sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi akademik mereka.

viii) ITM juga merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi yang mengisytiharkan semua kawasan kampus sebagai kawasan larangan merokok. Ini dirasakan perlu kerana hanya alam sekitar yang bersih dapat menghasilkan bakal pemimpin yang berwibawa. Kita juga tidak menggalakkan pelajar-pelajar ITM membazirkan wang dengan merokok.

Semua langkah-langkah yang diambil di atas adalah untuk menentukan graduan kita itu mantap dan berwibawa dan boleh berperanan sebagai agen perubahan masyarakat. Pendidikan kita ialah berbentuk sepadu, iaitu gabungan pelajaran dan latihan profesional dengan latihan akhlak dan kerohanian serta jasmani.

Perangkaan Pelajar ITM

Sehingga kini ITM telah berjaya mengeluarkan 73,987 orang graduan. ITM juga berhasrat untuk memperbanyakkan peluang pendidikan kepada kaum bumiputera. Dengan hasrat ini ITM berusaha untuk mencapai matlamat enrolmen pelajar seramai 40,000 pada akhir tahun 1995.

Jadual 2.1 : Jumlah Pengambilan ITM 1986 - 1993

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993
Jumlah	8839	7939	7632	9742	9310	8808	13714	11,110

Jadual 2.2 : Enrolmen Pelajar ITM 1986 - 1993

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993
Jumlah	22050	22948	21734	23166	23165	24217	30739	33,235

Jadual 2.3 : Jumlah Lulusan ITM 1986 - 1993

Tahun	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993
Jumlah	4895	5119	6566	7226	7090	6628	6344	6880

Jadual 2.1, 2.2 dan 2.3 menunjukkan pengambilan pelajar, enrolmen dan jumlah lulusan ITM dari 1986 hingga 1993. Dari jumlah ini didapati pengambilan pelajar ITM menurun dari 1986 hingga 1988 disebabkan oleh kebanyakan daripada calon memilih untuk memasuki Maktab Perguruan. Bagaimanapun enrolmen pelajar telah meningkat dari 22050 pada 1986 kepada 33,235 pada 1993.

Jadual 3 : Jumlah Lulusan ITM Mengikut Kajian (1986 - 1992)

TAHUN/ KAJIAN	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993	JUMLAH/%
AC	762	795	1067	1307	1499	1088	892	1143	6518 15.9
AD	177	181	207	163	218	204	254	234	1150 2.8
AL	520	658	773	901	870	713	530	510	6386 15.54
AP	242	285	277	373	413	434	480	508	202 44.92
AS	336	292	324	436	387	420	473	487	2195 5.34
BM	1284	1400	2131	2348	2101	2091	1912	2122	11355 27.63
CS	205	280	339	413	406	392	337	469	2035 4.95
EN	514	447	357	360	438	347	424	637	2463 5.99
HC	317	280	364	251	245	267	356	151	2685 6.53
LS	99	74	61	74	52	43	77	27	403 0.95
MC	107	97	157	189	162	243	277	253	955 2.32
SS	332	330	493	400	283	375	316	322	2875 7.00
LC (TESL)	-	-	16	11	16	11	11	8	54 0.13
KURSUS LUARAN							51	9	
JUMLAH	4895	5119	6566	7226	7090	6628	6344	6880	41098 100

Jadual 3 menunjukkan lulusan mengikut kajian. Didapati Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang dan Kajian Perakaunan mempunyai peratusan lulusan yang tinggi berbanding dengan kajian-kajian yang berasaskan teknologi. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menambahkan bilangan pelajar dalam sains dan teknologi. Di antara kesulitan yang dihadapi untuk mencapai matlamat ini ialah:

- i) Untuk mendapatkan lebih ramai pelajar bumiputera yang berkelayakan.
- ii) Peruntukan terhad untuk kelengkapan sains.

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR

PENDAHULUAN

Selaras dengan wawasan 2020 bagi melahirkan masyarakat Melayu Baru, Bahagian Hal Ehwal Pelajar ITM telah memperkemaskan lagi program-program pembangunan pelajar selari dengan hasrat menuju ke arah negara membangun. Pengisian program-program ini lebih menjurus ke arah pembangunan diri, kemantapan dan keluhuran peribadi, kewarasan daya fikir dan kecemerlangan akademik.

OBJEKTIF

Untuk memberi latihan kepada pelajar-pelajar bagi melengkapkan diri (mental, intelektual, fizikal dan spiritual) pelajar-pelajar yang bakal mengharungi hidup di masa hadapan.

Memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang matlamat hidup insan yang sebenarnya serta kualiti-kualiti yang perlu ada pada diri masing-masing.

Melahirkan masyarakat pelajar yang berpandangan jauh, bersatu dari segi pemikiran dan sikap serta bertanggungjawab terhadap perkembangan diri dan persekitaran.

Melahirkan individu yang toleran serta matang dalam membuat penilaian di samping tabah menghadapi tekanan dan dugaan hidup.

Memberi pendidikan dan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang ciri-ciri kecemerlangan, kaedah menghadapi peperiksaan, mengurus masa, dan sebagainya yang berkaitan bagi meningkatkan prestasi akademik.

SISTEM PENGGAWA

Sistem Penggawa mula diperkenalkan pada Mei 1988 yang melibatkan kakitangan akademik dipertanggungjawabkan bagi menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran di Kolej-Kolej kediaman pelajar. Sistem ini memberi penekanan terhadap peranan kolej sebagai pembentuk perwatakan dan pencapaian pelajar dari segi kerohanian, fizikal, aqliah dan qalb.

PERLAKSANAAN PROJEK

Program-program yang dirancang untuk seluruh pelajar ITM dibahagikan kepada lima pendekatan utama.

- Program Teras
- Program Kemahiran
- Program Pengkayaan
- Program Ke Arah Kecemerlangan Akademik (KACA)
- Program Persatuan-persatuan Dalaman

PROGRAM TERAS

Minggu Silaturahmi (MSR)

Program MSR adalah diselenggarakan diseluruh sistem ITM berdasarkan module yang sama. Kumpulan sasaran adalah pelajar-pelajar yang baru mendaftar sebagai pelajar ITM. Pengisian program MSR lebih tertumpu kepada Mengenaliti ITM dengan lebih dekat dan mengeratkan hubungan silaturahmi di antara sesama pelajar serta pihak pengurusan.

Diskusi Mingguan (DISMI)

Program ini adalah lanjutan kepada input yang diberikan di dalam Minggu Silaturahmi. Setiap pelajar akan dipecahkan kepada kumpulan yang kecil dan diskusi akan dijalankan mengikut tajuk-tajuk yang diberi serta diketuai oleh seorang fasilitator samada terdiri daripada Pegawai Penghuni Kolej atau Pegawai-Pegawai Hal Ehwal Pelajar yang lain.

Bina Insan/Bina Diri

Aktiviti ini memberi latihan pembangunan dan kemantapan diri kepada pelajar-pelajar yang diagihkan mengikut semester pengajian.

- i Latihan Bina Insan dan Motivasi Diri (BIMO)
 - untuk pelajar-pelajar semester dua
- ii Latihan Bina Moral dan Pembudayaan Ilmu (BIMOP)
 - untuk pelajar-pelajar semester tiga
- iii Latihan Bina Kemantapan Akal dan Pemikiran (BIKAP)
 - untuk pelajar-pelajar semester tiga, empat, lima, enam (yang belum tamat) dan semester tujuh.

Latihan Bina Semangat dan Kepimpinan (BISEK)

Program ini memberi penekanan kepada aspek-aspek kepimpinan dan nilai-nilai diri yang positif yang perlu ada dalam kerja berkumpulan. Latihan ini amat penting sebagai panduan kepada pelajar sebelum meninggalkan ITM.

Minggu Penghayatan Ilmu

Program ini dibuka kepada semua pelajar. Sepanjang minggu ini diadakan pelajar-pelajar akan diberi pendedahan tentang bidang-bidang ilmu yang berbagai selain daripada apa yang dipelajari dari kajian masing-masing.

Program-program teras merupakan program yang dimestikan kepada pelajar-pelajar. Kekerapannya hanya sekali bagi satu-satu semester.

PROGRAM KEMAHIRAN

Program kemahiran ini merupakan aktiviti yang menitikberatkan pengukuhan asas akademik pelajar. Ianya lebih berteraskan kepada aspek-aspek yang berkait rapat dengan pembinaan kemahiran diri untuk survival pelajar.

- A. Kursus Motivasi Diri
- B. Pengurusan Organisasi- Cara-cara mengendalikan mesyuarat, menulis surat rasmi, mengambil minit mesyuarat dan lain-lain.
- C. Minggu Bahasa
- D. Minggu Membaca
- E. Majlis Forum dan Pidato
- F. Program Dalam Pengkhususan Kemahiran
- G. Kursus Fasilitator Pelajar

PROGRAM PERKAYAAN

Program-program tersebut adalah

- A. Program Anak Angkat seperti 'mentor camp' yang melibatkan tenaga akademik dalam program pelajar.
- B. Program Pembangunan Komuniti seperti aktiviti khidmat masyarakat, sekolah angkat serta kampung angkat.

PROGRAM KE ARAH KECEMERLANGAN AKADEMIK (KACA)

Program ini diadakan setiap semester bagi memberi bimbingan kepada pelajar yang menghadapi masalah dalam pencapaian akademik mereka. Melalui program ini dapat dikenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar secara lebih tepat lagi. Pelajar dikelompokkan kepada enam kumpulan yang diagihkan mengikut kajian masing-masing. Sejumlah RM 36,000 telah diperuntukkan bagi setiap semester untuk program ini.

PROGRAM PERSATUAN-PERSATUAN DALAMAN

Terdapat sejumlah 92 persatuan dalaman di ITM. Menerusi persatuan-persatuan ini pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan diri secara terpinpin.

PENUTUP

Program-program pembangunan diri pelajar mampu memainkan peranan yang penting kepada penyediaan generasi-muda pemimpin pada masa akan datang. Oleh yang demikian ITM telah membelanjakan sejumlah RM 183,000.00 bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut pada semester Julai - Disember 1992. Bagi semester Januari - Jun 1993 ITM telah memperuntukkan RM 300,000.00 bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar ini.

STAF AKADEMIK

Pengambilan kakitangan akademik telah meningkat dari 1047 pada 1986 kepada 1383 pada 1991. Untuk menentukan kita mengeluarkan graduan bermutu, kita memerlukan kakitangan yang bermutu juga. Beberapa langkah untuk menentukan kita mencapai kehendak ini telah dijalankan. Antaranya ialah:

- i) Pengambilan kakitangan akademik sejak tahun 1988 telah diperketatkan. Untuk menentukan kita mendapat kakitangan yang lebih baik dan berwibawa, diwujudkan dua peringkat temuduga di mana bakal-bakal pensyarah diuji oleh "peers" masing-masing dalam kebolehan mengajar dan akademik. Kakitangan yang lulus ujian ini barulah ditemuduga oleh ahli-ahli Jawatankuasa kakitangan (Peringkat Institut);
- ii) Semua kakitangan yang diambil selepas tahun 1987 dimestikan menghadiri kursus induksi selama seminggu di mana semua pengurusan tertinggi terlibat. Tujuan kursus ini diadakan ialah untuk menyerap budaya korporat ITM kepada kakitangan baru ITM. Kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam ITM diutamakan. Semua kakitangan baru dibekalkan dengan koleksi "Dari Meja Pengarah" (petikan dari BERITA ITM) untuk difahami, difikirkan dan direnung bersama. Mereka juga dikehendaki menghadiri kursus-kursus latihan mengajar dan aspek-aspek kurikulum serta penilaian sebelum mereka disahkan;
- iii) Kursus-kursus pendek untuk kesedaran dan membina diri diadakan untuk semua kakitangan. Kursus-kursus ini juga digunakan untuk berkongsi misi, nilai dan persepsi serta wawasan di antara pengurusan tertinggi dan kakitangan. Kursus ini diadakan secara kumpulan kecil kepada kakitangan akademik dan bukan akademik dari semua kumpulan. Peluang juga diambil oleh Ketua Eksekutif untuk berdialog dengan tiap-tiap kumpulan.

Dengan cara ini adalah diharapkan semangat kekitaan dapat dipupuk dengan lebih berkesan lagi khususnya untuk menentukan kita dapat memberi perkhidmatan berkualiti. Perubahan sikap yang radikal juga cuba diterapkan dalam kursus-kursus ini. Kursus induksi ini juga dimestikan kepada semua kakitangan bukan akademik mulai tahun 1991.

- iv) Penekanan kepada pembangunan kakitangan (staff development) diberi melalui kursus-kursus dalaman dan luaran. Bagi tempoh 1986 hingga 1991, sebanyak \$51.239 juta telah dibelanjakan untuk tujuan latihan dan pembangunan kakitangan iaitu latihan dan pembangunan kakitangan iaitu sebanyak \$29.913 juta untuk biasiswa staf dan sebanyak \$21.326 juta bagi pengendalian pelbagai kursus dalaman dan luar.

Seramai 563 orang staf telah menerima biasiswa staf sepanjang tempoh berkenaan iaitu 104 biasiswa peringkat Ph.D, 431 Sarjana, 20 Sarjana Muda dan 8 Sijil.

Sementara itu seramai 6741 staf pula telah menghadiri pelbagai kursus, termasuk Kursus Bina Insan/Pembangunan staf (1898 orang) dan Kursus Motivasi/Peningkatan Mutu Kerja (538 orang)

- v) Kakitangan akademik digalakkan membuat penyelidikan, mengeluarkan penulisan akademik serta menjalankan perundingan supaya mutu pengajaran mereka menjadi lebih baik.

Jadual 4 : Perangkaan Kakitangan Akademik Mengikut Kelayakan (Seluruh ITM)

PERINGKAT KELULUSAN	TAHUN							
	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992	1993
Doktor Falsafah	23	27	30	42	48	52	52	73
Sarjana	651	768	880	1001	1063	1148	1128	1201
Profesional	76	65	87	103	95	105	98	100
Sarjana Muda	731	785	795	825	983	970	1007	961
Lain-lain	59	59	33	28	30	23	108	117
Jumlah	1540	1704	1825	1999	2219	2298	2393	2452

Jadual 4 menunjukkan statistik kakitangan akademik dari tahun 1986 hingga 1993.

Dari jadual tersebut didapati jumlah kakitangan akademik yang berkelayakan Doktor Falsafah telah meningkat dari 23 orang dalam tahun 1986 kepada 73 orang dalam tahun 1993. Jumlah kakitangan akademik peringkat Sarjana pula telah bertambah dari 651 dalam tahun 1986 kepada 1201 dalam tahun 1993.

KHIDMAT MASYARAKAT

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi dan bagi menentukan kakitangan akademiknya berwibawa, ITM juga menggalakkan Penyelidikan dan Perundingan oleh kakitangan. Dengan cara ini kakitangan akademik akan lebih mempunyai pengetahuan teori dan praktikal yang amat penting dalam bidang pendidikan profesional.

Dalam usaha-usaha penyelidikan dan perundingan, dasar berikut diberi perhatian:

- i) ITM menumpukan perhatian yang penuh kepada penyelidikan yang bercorak gunaan. Penyelidikan harus bertumpu kepada keperluan tempatan.
- ii) Penyelidikan yang mempunyai sempadan-sempadan dan objektif jelas dan tertentu dan bukan penyelidikan terbuka dengan justifikasi untuk keperluan pengetahuan sahaja.
- iii) Mengukuhkan perhubungan dengan institusi-institusi penyelidikan yang lain seperti RRI, IMR, MARDI, SIRIM, PORIM dan institusi pengajian tinggi yang lain, tidak sekadar menandatangani memorandum kerjasama sahaja.
- iv) Menjalin hubungan dengan kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan dan badan swasta sebagai mencari peluang-peluang memperbanyakkan projek khidmat perunding.
- v) Di dalam menentukan bidang penyelidikan ITM haruslah peka terhadap keperluan negara. Bidang-bidang yang menjadi tumpuan di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya seperti Pelan Induk Perindustrian perlulah diberi tumpuan.

Sehingga kini sejumlah \$2.59 juta ringgit telah dibelanjakan bagi penyelidikan di ITM. ITM juga telah menerima \$2.57 juta untuk penyelidikan di bawah projek IRPA.

Jadual 5 : Senarai Projek Penyelidikan yang dilaksanakan dari (1986 hingga 1993)

BIDANG PENYELIDIKAN	ITM	IRPA
Sains Kemasyarakatan	159,009.00	20,000.00
Sains & Teknologi	385,510.00	716,000.00
Sains Pengurusan	102,230.16	220,000.00
	646,749.16	956,000.00

Bagi tahun 1992, Pusat Penyelidikan dan Perundingan telah menjalankan beberapa projek seperti di Jadual 6.

Jadual 6 : Projek Penyelidikan dan Perundingan 1993

BIL	PROJEK	BIL. PROJEK	KOS (RM)
1.	Penyelidikan	38	646,779.16
2.	Perundingan	33	2,759,608.50
3.	Program IRPA		
	a) Majlis Pendidikan & Kemajuan Sains Negara (MPKSN)	11	956,000.00
	b) RM6	7	2,560,000.00
	c) Bioteknologi	4	58,000.00
	Jumlah	93	6,980,357.60

INOVASI PENGURUSAN

Sebagai sebuah organisasi yang besar dan tersebar di seluruh Malaysia, masalah pengurusan merupakan satu masalah yang besar. Untuk menentukan urusan ITM berjalan dengan lancar, beberapa langkah telah diambil supaya badan ini kekal utuh dan berada pada landasan yang ditetapkan.

Dasar tentang perjalanan ITM ditentukan oleh **Y.B. Menteri Pendidikan** yang menyampaikan arahan-arahan umum melalui **Majlis ITM**. Majlis dibantu oleh tiga Jawatankuasa iaitu **Jawatankuasa Kakitangan, Jawatankuasa Akademik dan Jawatankuasa Kewangan & Pembangunan**. Majlis dan semua Jawatankuasa ini bermesyuarat sebulan sekali. Ketua Eksekutif menjadi ahli Majlis dan semua Jawatankuasa Majlis (menurut Akta 173).

Pada peringkat pengurusan dalaman, sebuah Jawatankuasa Pengurusan Dalaman diwujudkan terdiri daripada pengurusan tertinggi yang bermesyuarat tiap-tiap minggu untuk menentukan pelaksanaan tugas harian dan membuat perancangan hadapan. Sebuah Unit Perancangan & Penilaian ditubuhkan dalam tahun 1988 untuk merencanakan rancangan dan menjalankan penillaian pencapaian ITM.

Pada peringkat pengurusan akademik, sebuah Jemaah Dekan-Dekan diwujudkan awal tahun 1987 untuk melaksanakan perancangan akademik. Jemaah bermesyuarat sebulan sekali. Perkara-perkara dari Kajian yang juga bermesyuarat sebulan sekali, dibincang dalam Jemaah. Cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian dalaman juga diminta mengadakan mesyuarat masing-masing tiap-tiap bulan.

Untuk menentukan terdapat perkongsian misi, visi dan persepsi, Pengarah mengadakan **pertemuan tahunan** sejak awal 1987 dengan kakitangan menurut kumpulan iaitu **kumpulan A dan kakitangan akademik, dan kumpulan B, C dan D** di mana pencapaian tahun sebelumnya dan rancangan tahun berikutnya disampaikan. Pertemuan diakhiri dengan dialog. Rakaman video pertemuan ini dihantar kepada semua cawangan untuk dimanfaatkan. Mesej yang sama juga diberi dalam rancangan-rancangan latihan kumpulan yang diadakan. **Kursus-kursus kesedaran dan bina semangat, motivasi dan peningkatan mutu kerja** dilaksanakan sejak 1987 kepada semua peringkat kakitangan dari pengurusan tertinggi hingga kumpulan B, C dan D. Semua program ini diikuti serta oleh Pengarah yang berkongsi nilai, misi dan visi organisasi dengan semua kakitangan.

Bagi menentukan maklumat-maklumat disampaikan kepada kakitangan, penerbitan **BERITA ITM** dikemaskinikan dan diperbaiki serta dikeluarkan setiap bulan di mana berita-berita dari ITM Shah Alam dan cawangan-cawangan dimuatkan. Semua cawangan juga digalakkan mengeluarkan "newsletter" masing-masing. Pelajar dan pensyarah digalakkan menulis berita-berita dan rencana-rencana.

Majlis Bersama Jabatan di antara Pengurusan dan Kesatuan Kakitangan Akademik dan Kesatuan Kakitangan Umum diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali untuk membincangkan masalah yang timbul. **Pertemuan dengan JPP (Jawatankuasa Perwakilan Pelajar)** juga diadakan dua atau tiga bulan sekali untuk mengetahui perkembangan kegiatan mereka dan menyelesaikan masalah-masalah yang besar.

Kegiatan-kegiatan kebajikan dan sukan untuk kakitangan adalah digalakkan untuk merapatkan hubungan antara kakitangan dan keluarga masing-masing. **HARI KELUARGA** diadakan tiap tahun di Shah Alam di mana wakil-wakil cawangan dijemput. Cawangan-cawangan juga mengadakan Hari Keluarga di mana pengurusan tertinggi hadir bersama. Untuk menggalakkan dan memupuk budaya cemerlang, hadiah **Khidmat Cemerlang** diwujudkan pada tahun 1987 dan tiap tahun kira-kira 36 orang menerima hadiah dan penghargaan dari seluruh sistem ITM. Upacara **Hari Q** telah diadakan pada akhir tahun 1991 dengan ceramah dan bacaan ikrar. Pensyarah dan pelajar digalakkan mengambil bahagian dalam acara-acara pameran akademik dan lain-lain dalam Pesta Konvo. Sebuah **TADIKA ITM** telah diwujudkan dan ada beberapa TADIKA diwujudkan di cawangan-cawangan. Beberapa persatuan kakitangan diwujudkan dalam ITM; Kesatuan Kakitangan Akademik ITM (KKAITM), Kesatuan Kakitangan Umum ITM (KKUITM), Persatuan Pentadbir, Persatuan Jurutengkas, Persatuan Wanita (PEWANI), Persatuan Penolong Pendaftar dan lain-lain. Dua buah koperasi wujud dalam ITM. Pertandingan sukan antara kakitangan Kajian dan antara kampus juga telah diadakan.

Semua kegiatan di atas diwujudkan untuk memupuk semangat kerjasama dan menentukan ahli-ahli organisasi ITM sayangkan ITM. Namun begitu, terdapat juga segelintir kakitangan yang tidak langsung mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ini. Kumpulan ini jugalah yang sering mengadu tentang tiadanya komunikasi dalam ITM, tiada minat pengurusan terhadap kakitangan dan sebagainya. Pihak pengurusan telah menentukan kegiatan-kegiatan yang sihat ini dijalankan untuk memantapkan organisasi ini, tetapi jika kakitangan tidak ikut serta dan memanfaatkannya, amat sukar bagi kita memaksa.

ITM sentiasa peka kepada keperluan persekitaran dan perlunya ITM berinovasi dalam menangani persekitaran yang berubah. Sejak penubuhan, ITM terus berinovasi sehingga dianggap lain daripada institusi lain. Umpamanya, kursus-kursus yang diperkenalkan tidak pernah ditawarkan oleh institusi lain, malah ada kursus-kursus yang diperkenalkan oleh ITM, kemudiannya dipindahkan ke institusi lain seperti bidang perikanan dan petroleum.

Beberapa inovasi ITM menjadi ikutan dan mendahului pihak lain. Contoh-contoh inovasi pengurusan ialah

- * Pengurusan Bersepadu Sumber Manusia
- * Sistem Penggawa
- * Skim Bantuan Memiliki Kenderaan Cara Islam
- * Tabung Amanah Pinjaman Pembelian Komputer Kakitangan
- * Sistem Perpustakaan Berkomputer (SISPUKOM)
- * Pengswastaaan Dewan Makan
- * Pendaftaran Pelajar Baru Secara Atas Talian
- * Sistem Maklumat Latihan Praktik Pelajar Kajian Kejuruteraan KESATRIA
- * Pusat-Pusat Kecemerlangan
- * Maklumat Islam Melalui Telefon dan Komputer (MITEK)
- * Sistem Induksi Pensyarah Baru MEDEC : Model Mentor-Mentel
- * Pewajiban Matapelajaran Pendidikan Islam
- * Pewajiban Matapelajaran Keusahawanan dan imput Keusahawanan Dalam Kegiatan Pelajar Program Berkembar (1974/5 : Univ. of Kentucky/MEDEC)
- * (1975 : Ohio Univ./Kajian Perniagaan)
- * Kumpulan Industri
- * Sistem Pengurusan Harta Tanah
- * ITM ke Arena Antarabangsa (Program ITM/BPLK, Indonesia)

MASA DEPAN

SINARIO

Hari ini pendidikan adalah perniagaan. Institusi Pendidikan swasta tumbuh bagai cendawan dengan pelbagai tawaran; permintaan pula berbagai daan tidak pernah surut. Trend ini dijangka berterusan seperti terlihat di negara maju lain. Dalam keadaan sedemikian, ITM perlu berubah.

PERUBAHAN STRATEGIK

Sejak 37 tahun yang lalu, sistem di ITM banyak berubah. Perubahan yang banyak itu sudah sampai ke tahap di mana terdapat ketidaksuaian lagi antara sistem dan struktur.

Majlis ITM, dalam mesyuarat khas 9hb. Januari 1993, telah menerima pada dasarnya saranan Penyusunan Semula Struktur Organisasi ITM. Sebagai sebuah organisasi yang telah matang, ITM perlukan suatu struktur berasaskan 'decentralization ala ITM' di mana kampus-kampus "terasing tetapi terkait" dalam suatu jaringanyag berpengkalankans ebuah rektorat.

Di bawah konsep wilayah, kampus-kampus ITM akan dikumpul seperti berikut:

	Wilayah	Negeri
1.	Utara	Perlis Kedah Pulau Pinang Perak
2.	Tengah	Shah Alam
3.	Selatan	Negeri Sembilan Melaka Johor
4.	Timur	Kelantan Terengganu Pahang
5.	Sabah	Kota Kinabalu
6.	Sarawak	Kuching

Kampus ITM Shah Alam akan menjadi kampus cawangan dan terpisah dari pentadbiran ibu pejabat, sebuah rektorat di Jalan Othman, Petaling Jaya.

Perubahan struktur ini menambahkan tahap dinamisme dalam organisasi. Bagi menghidupkan dan memaparkan jentera organisasi, sistem ITM juga menekankan inovasi. Hasil daripada perubahan kepada struktur dan sistem ini, ITM akan lebih 'flexible' dalam menangani cabaran masa depan.

STRATEGI

Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera 1965 yang memandatkan ITM melatih Bumiputera profesional dan separa profesional adalah tepat dan tersus relevan. Niche ini walaupun sekarang telah disedari dan ditumpang sama oleh piha-pihak lain, akan tetap merupakan 'positioning' ITM. ITM adalah sebuah "institut pengajian tinggi yang bukan universiti". Keadaan ini walaupun suatu kejanggalan dan kelemahan akan dimanfaatkan menjadi keunikan dan kekuatan. Untuk maksud tersebut, ITM telah merangka beberapa strategi seperti berikut:-

1. Memperbanyakkan dan mempelbagaikan Program-program Berkembar (Twinning Programme) dengan:
 - Universiti-Universiti Luar Negara
 - Universiti-Universiti Tempatan
2. Meningkatkan penawaran kursus-kursus di dalam Bahasa Inggeris.
3. Memperkenalkan lebih banyak kursus di peringkat Diploma Lanjutan, iaitu penekanan kepada kursus-kursus yang tidak ditawarkan di universiti-universiti tempatan.
4. Melatih semua pensyarah ITM sehingga ke peringkat sarjana dalam tempoh 5 tahun (1993 - 1998).
5. Meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar bagi kursus pre-commerce dan pre-science.
6. Merancang perkembangan kampus cawangan melangkaui matlamat 4,500 pelajar kepada matlamat yang lebih besar (10,000 - 12,000 pelajar).
7. Menawarkan kursus-kursus yang membolehkan calon menjadi ahli profesional dan badan-badan iktisas.
8. Memperkenalkan kursus-kursus yang boleh memberi keuntungan dan terbuka kepada semua kaum. Dari segi pelaksanaan dan supaya tidak bercanggah dengan Akta, disarankan supaya kursus-kursus sedemikian ditawarkan di satu kampus yang berasingan dengan kampus-kampus yang menawarkan kursus-kursus akademik yang ada sekarang.
9. Mempertingkatkan kursus-kursus dalam perkhidmatan sebagai sebahagian daripada Extension Education Program. Kemungkinan untuk memperluaskan skop MEDEC dan Pusat Pendidikan Luar (PPL).
10. Mempertingkatkan penglibatan ITM dalam bidang Penyelidikan dan Perundingan. Bidang-bidang khusus yang perlu penekanan hendaklah dikenalpasti dan menjurus kepada 'practical-oriented'.
11. ITM perlu mempertingkatkan kerjasama dan penglibatan dengan industri dengan penekanan kepada 'Multi-national Corporation'. Kenal pasti jenis-jenis kerjasama yang sesuai untuk perkembangan ITM.

KENYATAAN PENUTUP

Masyarakat dan kerajaan begitu instrumental dalam mengatakan bahawa ITM adalah wahana pendidikan Melayu yang dilahirkan oleh Melayu, bertanggungjawab kepada Melayu dan mesti di sokong/dipertahan oleh Melayu. Hakikat ini disedari oleh pengurusan dan staf ITM. Amanah tersebut dipikul dengan penuh tanggungjawab. Masalah selalu ditanggap sebagai cabaran. Hasilnya membanggakan pengurusan dan staf. Tetapi dirasakan pencapaian masih boleh diperingkat, kalau saja suatu isu penting ini dapat kita tangani.

ITM sering didesak supaya membesar dan cepat membangun tetapi apabila sampai ke tahap pelaksanaan, sokongan golongan yang instrumental dan pendesak tadi tidak kesampaian. Isu yang dimaksudkan ialah peruntukan pembangunan.

Peruntukan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan ialah sebanyak \$200 juta. Ini merupakan 14.4% daripada permohonan asal sebanyak \$1.39 billion. Dengan kekurangan peruntukan ini akan menjejaskan perancangan ITM untuk mencapai tahap enrolmen pelajar seramai 40,000 orang pada akhir tahun 1995.

Dengan peruntukan terhad ini akan menyulitkan pembangunan kampus-kampus ITM terutama kampus-kampus yang terletak di kawasan luar bandar. Misalnya, kampus ITM Pahang di Jengka berkehendakkan pembangunan konsep 'Total' kampus dengan fasiliti-fasiliti yang mencukupi memandangkan kawasan tersebut tiada kemudahan-kemudahan yang sempurna.

Juga, kampus Pahang ini dirancang sebagai kampus berasaskan sains dan teknologi. Oleh yang demikian, pembinaan kampus ini menekankan kepada Pembinaan fasiliti-fasiliti akademik seperti bengkel, makmal sains, ladang dan lain-lain. Salah satu usaha ialah pembinaan bengkel kayu (dianggarkan kos pembinaan sebanyak \$10 juta) bagi memenuhi keperluan kursus yang ada kaitan dengan teknologi perkayuan.

Apa yang hendak ditekankan ialah peruntukan pembangunan ITM adalah rendah. Peruntukan yang diberi tidak mencukupi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan akademik yang sewajarnya. Misalnya, kampus ITM Cawangan Johor hanya diberi \$30 juta untuk keseluruhan kampus termasuk bangunan-bangunan akademik, pentadbiran dan asrama serta kemudahan sukan untuk 2,500 pelajar, walhal jumlah ini bagi IPT yang lain hanya untuk satu atau dua bangunan asrama atau akademik saja

Pengurusan merasakan walaupun dikatakan peranan ITM amat penting kepada masyarakat bumiputera tetapi peruntukan yang diberi tidak begitu setimpal.